Peserta kursus yang telah berjaya menghadiri kursus pembangunan WIM dan Penilaian Berdasarkan NOSS Format Baharu layak memohon untuk mengikuti LSF. LSF bagi Kursus Pembangunan ini merupakan salah satu keperluan tambahan bagi memastikan peserta mampu mempraktikkan kemahiran yang diajar dalam sesi pembangunan WIM dan Penilaian yang sebenar.

Tujuan sesi LSF ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan awal kepada peserta mengenai pengendalian bengkel pembangunan WIM dan Penilaian yang sebenar serta teknik-teknik fasilitator. Peserta perlu menghadiri LSF sebanyak dua (2) sesi sebagai syarat lulus untuk dipersijilkan sebagai seorang fasilitator. Selain daripada itu, peserta juga dinilai oleh pegawai firma dan pegawai CIAST/JPK yang dilantik. Persijilan fasilitator dibuat berdasarkan markah penilaian daripada kedua-dua pegawai penilai tersebut dan penilaian oleh Jawatankuasa Persijilan Fasilitator DESCUM, WIM dan CUDBAS Leader. Pada tahun 2013, seramai enam (6) peserta telah berjaya dipersijilkan sebagai fasilitator WIM.

Kursus Asas CUDBAS

CUDBAS telah dibangunkan oleh Prof. Dr. Kazuo Mori pada tahun 1990 bagi memberi perspektif yang lebih jelas berkenaan pengetahuan, kecekapan dan sikap pekerja dalam melakukan tugas. CUDBAS juga membantu organisasi mengenalpasti dan memperkemas proses kerja, mengurangkan kos latihan dan meningkatkan kualiti kepakaran pekerja serta mengurangkan pembaziran pengeluaran yang disebabkan oleh kesilapan manusia.

Objektif kursus asas CUDBAS adalah seperti berikut:

- Memperkenal dan mempromosikan *Community Employment Support Service (CESS)* dan CUDBAS;
- Mempraktik kaedah CUDBAS untuk menghasilkan produk CUDBAS menggunakan manual dan
- Memberi pendedahan tentang *Company Support*.

Pada tahun 2013, CIAST telah melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan CUDBAS seperti di dalam Jadual 13. Seramai empat (4) *Potential CUDBAS Leader* dianugerahkan Sijil *CUDBAS Leader* setelah berjaya menyempurnakan tugas dan lulus syarat ditetapkan.

Jadual 13 : Aktiviti Kursus Asas CUDBAS Tahun 2013

| Bil. | Nama Program/Kursus/Siri | Tarikh | Tempat | Organisasi | Jumlah Peserta |
|---------------|---|-------------------|--------------------------------|------------|----------------|
| 1. | Kursus Pembangunan Fasilitator Asas CUDBAS Siri 1 | 16 – 19 Apr. 2013 | Hotel Quality, Shah Alam | ILKA/ILKS | 19 |
| 2. | Kursus Pembangunan Fasilitator Asas CUDBAS Siri 2 | 13 – 17 Mei 2013 | Hotel Naza Talya, Pulau Pinang | ILKA/ILKS | 20 |
| 3. | Kursus Pembangunan Fasilitator Asas CUDBAS Siri 3 | 3 – 7 Jun 2013 | Hotel Crown Garden, Kota Bharu | ILKA/ILKS | 23 |
| 4. | Kursus Pembangunan Fasilitator Asas CUDBAS Siri 4 | 7 – 11 Okt. 2013 | Hotel New York, Johor Bahru | ILKA/ILKS | 20 |
| Jumlah | | | | | 82 |

Latihan Sangkutan Industri (LSI)

Program Penempatan LSI adalah bertujuan mendedahkan para tenaga pengajar kemahiran di Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) tentang persekitaran dan teknologi di sektor industri selama tiga (3) bulan mengikut bidang pengkhususan pengajar berkenaan. LSI dapat menaiktaraf kemahiran tenaga pengajar ILKA. Pengajar juga dapat menghubungkait dan mengamalkan pengetahuan teori dan praktikal serta membina keyakinan diri dalam bidang-bidang tertentu. Program ini adalah menggunakan peruntukan tahunan ‘Program Pembangunan Kemahiran Tenaga Pengajar (B07), Jabatan Perkhidmatan Awam’ dengan kerjasama pihak industri.

Pada tahun 2013, pelaksanaan penempatan LSI telah diadakan sebanyak lima (5) siri melibatkan 54 orang pengajar ILKA dan 52 buah industri. Maklumat pelaksanaan penempatan LSI adalah seperti di Jadual 14 hingga 19.

Jadual 14 : Statistik Peserta LSI 2013 Mengikut Agensi

| Bil. | Agensi | Jumlah Peserta |
|------|--|----------------|
| 1. | Kementerian Belia dan Sukan (KBS) | 10 |
| 2. | Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) | 2 |
| 3. | Kolej Komuniti | 17 |
| 4. | Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) | 8 |
| 5. | Jabatan Tenaga Manusia (JTM) | 9 |
| 6. | Majlis Amanah Rakyat (MARA) | 6 |
| 7. | Politeknik | 2 |
| | Jumlah | 54 |

Jadual 15 : Peserta LSI Siri 1/2013

| Bil | Nama Peserta | Gred Jawatan | Bidang Kemahiran | Alamat Tempat Bertugas | Firma LSI |
|-----|--|--------------|-----------------------------|--|---|
| 1. | Farawaheeda Binti Abu Bakar | E 17 | Penyediaan Roti | Rumah Kanak-Kanak Rembau, 71300 Rembau, Negeri Sembilan | Kedai Kek dan Kafeteria Kak Kam, Senawang, Negeri Sembilan |
| 2. | Elias Bin Abd. Hamid @ Mohd Kamit | J17 | Fabrikasi Logam dan Foundri | Sekolah Tunas Bakti, 27000 Jerantut, Pahang | Kejuruteraan Besi Koo Loong, Lot 9, Kawasan Perindustrian, 27000 Jerantut, Pahang |
| 3. | Md. Alimi Bin Yasinan @ Jasman | DH 44 (M) | Industri Pembinaan | Kolej Komuniti Kuala Terengganu, Jalan tengku Ampuan Mariam, 24200 Kuala Terengganu, | NJ Supply & Services, No 12 Bangunan Mara, 21600 Marang, Terengganu. |
| 4. | Ahmad Bin Latip | DGA 32 | Teknologi Pembinaan | Kolej Vokasional Matang, Km 14, Jalan Matang, 93050 Kuching, Sarawak | Teraju Gading Sdn. Bhd., Sub Lot 6, 3rd Floor, Lot 13100, Section 65, KTLD Jln. Abdul Rahman Yaakub, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak |
| 5. | Nazra Binti Ismail | DH44 | Industri Pembinaan | Kolej Vokasional Matang, Km 14, Jalan Matang, 93050 Kuching, Sarawak | KMA Associates, 75 Jln Emas Putih 1, Tmn Sri Skudai, 81300 Skudai, Johor |
| 6. | Nurul Liyana Binti Mahmood | DH 41 | Komputer Rangkaian | Kolej Komuniti Selandar, Jalan Batang Melaka, 77000 Selandar, Melaka | Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd., Suite 3.1 Melaka k-Economy Incubator, Business City Street, MITC City, 75450 Ayer Keroh, Melaka |
| 7. | Sharifah Azian Binti Tuan Muda @ Syed Mustaffa | DH41 | Pemandu Pelancong | Kolej Komuniti Kota Tinggi, Lot 549, No. 1A, Jalan Abdullah, 81900 Kota Tinggi, Johor | IPPJ Sdn Bhd, Tingkat 25 KOMTAR, 80000 Johor Bharu, Johor |
| 8. | Mohd Anuar Bin Abu Bakar | DGA29 | Jentera dan Pengangkutan | Kolej Vokasional Temerloh, Simpang Sanggang, 28020 Temerloh, Pahang | Azlim Tech Tyre Services, Lot 6039, Hadapan Sk Tanjung Pati, Che Lijah, 23000 Dungun, Terengganu |
| 9. | Hj. Azman Bin Yusof | DG 44 | Juru Elektrik | Sekolah Menengah Vokasional SHAS Kuala Lipis Km 12, Jln. Lipis-Benta , 27200 Kuala Lipis, Pahang | DP Electrical Engineering And Trading, C35, Pekan Awah, 28030 Temerloh, Pahang |

Jadual 16 : Peserta LSI Siri 2/2013

| Bil. | Nama Peserta | Gred Jawatan | Bidang Kemahiran | Alamat Tempat Bertugas | Firma LSI |
|------|-------------------------------|--------------|--------------------------------|--|--|
| 1. | Mohd Zaki Bin Ab. Muttalib | J30 | Maritim | Institut Kemahiran Belia Negara Kuala Perlis, Jln. Bkt. Kubu, 02000 Kuala Perlis, Perlis | Langkawi Ferry Services Sdn. Bhd., 37 & 39, Jln. Pandak Mayah 5, Kuah, 07000 Langkawi |
| 2. | Norhisan Bin Sena | J42 | Juru Elektrik | Poslat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Kemaman, 24210 Kemasiik, Kemaman, Terengganu | Tenaga Nasional Berhad (Kemaman), Kawasan Pejabat TNB Kawasan Kemaman 345/456, Jalan Sulaiman, 42000 Chukai, Terengganu |
| 3. | Anuar Amri Bin Adzizan | J22 | Juru Elektrik | Institut Latihan Perindustrian Miri, Bandar Baru Perni Jaya, 98100 Miri Sarawak | Landasan Kapital (M) Sdn. Bhd., No. 34A, Jln. PSK 8, Pusat Perdagangan Seri Kembangan, 43300 Seri Kembangan, Selangor |
| 4. | Rosnizam Bin Amer | J29 | Jentera dan Pengangkutan Darat | Institut Kemahiran MARA (IKM) Jasin, Km. 32, Jalan Chinchin, Simpang Kerayong, Peti Surat 141, 77008 Jasin, Melaka | APM Garage Enterprise, 282, Batu 6 ½, Titi Gajah, 06550 Alor Setar, Kedah |
| 5. | Nik Rashidi Bin Nik Mohamad | J30 | Juru Elektrik | Institut Kemahiran MARA Besut, Jalan Batu Tumbuh, 22200 Besut, Terengganu | Tenaga Nasional Berhad (Kota Bharu), Bahagian Pembahagian TNB, Aras 5 & 9, Wisma TNB, Jln. Tok Hakim, 15000 Kota Bharu, Kelantan |
| 6. | Fazrul Idzam Bin Zainal Abdin | DH41 | Penyamanan Udara | Kolej Komuniti Hulu Langat, Jalan Prima Saujana 2/G, Taman Prima Saujana 43000 Kajang, Selangor | Fastcoll Corporation Sdn. Bhd., No. 4-1, Jalan Jaya 5, Bandar Tun Razak, 566060 Kuala Lumpur |
| 7. | Abdul Ghaffar Bin Abu Hassan | DH32 | Juru Elektrik | Kolej Komuniti Jempol, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Taman Industri Mahsan, 72100 Bahau, Negeri Sembilan | Combat Electrical, No. 12, Blok B, Jln. Waja, Tmn. Waja, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan |
| 8. | Asri Bin Abdullah | DH44 | Juru Elektrik | Kolej Komuniti Kuantan B24,Jalan Im 3/13 Bandar Indera Mahkota 25200 Kuantan, Pahang | MS Trading & Engineering, No.7, Jln. Industri Semambu 11/2, Kawasan Perindustrian Semambu, 25300 Kuantan, Pahang |
| 9. | Mohamad Rasidi Bin Ahmad | J30 | Jentera dan Pengangkutan Darat | Kolej Komuniti Rompin Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Km 5, Jalan Rompin-Pekan, 26800 Kuala Rompin Pahang | Khairul Tanjung Gemuk Enterprise, BTG-003, Jalan Feri Lama, 26820 Tanjung Gemuk, Pahang |

Jadual 17 : Peserta LSI Siri 3/2013

| Bil. | Nama Peserta | Gredan Jawatankuasa | Bidang Kemahiran | Alamat Tempat Bertugas | Firma LSI |
|------|-------------------------------|---------------------|--------------------------------|---|---|
| 1. | Shamsul Bahri Bin Musa | DH32 | Kerja Kayu dan Perabot | Kolej Komuniti Gerik, Bukit Nasah, 33300 Gerik, Perak | Din Perabot, 122, Kg Jelor, 16800 Pasir Puteh, Kelantan |
| 2. | Nur Hidayah Binti Idris | DG41 | Pemasangan Kenderaan Bermotor | Sekolah Menengah Vokasional Datuk Seri Mohd. Zin, Jalan Pengkalan, 78000 Alor Gajah, Melaka | Perodua Service Centre (Melaka), No. 5369 C, Jalan Malim, 75250 Bacang, Melaka |
| 3. | Syairatul Ashikin Binti Osman | E26 | Penyeliaan Makanan dan Minuman | Institut Kemahiran Belia Negara Alor Gajah, Km 34, Jalan Ramuan China Besar, 78300 Masjid Tanah, Melaka | Best Western Wana Riverside Hotel, Wana Properties Sdn. Bhd., No.2, Jalan Munshi Abdullah, 75100 Melaka |
| 4. | Noraslinda Binti Yusof | DH41 | Graphic Design | Kolej Komuniti Jasin, Km. 24, Taman IKS Merlimau, Jalan Muar, 77300 Merlimau, Melaka | Aspati Sdn. Bhd., Level 1, Auditorium 1, Kompleks 3C, MPSJ, Jln. PJS 11/2, Taman Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya, Selangor |
| 5. | Mohd Khairi Bin Hasbollah | J30 | Penyenggaraan Industri | Institut Kemahiran MARA Tan Sri Yahya Ahmad, 26600 Pekan, Pahang | Wawasan Makmur Engineering & Services, No. 43, Jalan 1M 14/3, Kaw. Industri Indera Mahkota, 25200 Kuantan, Pahang |
| 6. | Amirul Bin Mat Isa | J29 | Jentera dan Pengangkutan Darat | Institut Kemahiran Belia Negara Chembong, 71300 Rembau, Negeri Sembilan | JMW Autotech, Lot 3 & 5, Jalan IKS M8, Taman IKS Merdeka, Batu Berendam, 75350 Melaka |
| 7. | Ahmad Zaidi Bin Bujang | DG41 | Kimpalan Arka | Kolej Vokasional Miri, Jalan Jee Foh, Lorong 10 Krokop, 98000 Miri, Sarawak | Excelot Sdn. Bhd., Lot 1-4, Ranca-ranca Industrial Estate, Jalan Patau-patau, W.P Labuan |

Jadual 18 : Peserta LSI Siri 4/2013

| Bil | Nama Peserta | Gred Jawatan | Bidang Kemahiran | Alamat Tempat Bertugas | Firma LSI |
|-----|-------------------------------|--------------|-------------------------------|---|---|
| 1. | Mohd Rosli Bin Mat Isa | DH 44 | Penyenggaran Industri | Kolej Komuniti Sabak Bernam, Jalan Raja Chulan, 45200 Sabak Bernam, Selangor | Iswan Ismon Engineering Sdn. Bhd., Lot 5351 A1, Jln. Bgn. Datoh, Batu 11 1/2, Simpang Empat, 36400 Hutan Melintang, Perak |
| 2. | Rosdi Bin Hanon | DG 44 | Pelukis Pelan Senibina | Kolej Vokasional Pasir Mas, Jalan Tendong-Bunut Susu, 17020 Pasir Mas, Kelantan | Aziz Darmawi Architect (A.D.A), Lot 420A, Tingkat 2, Wisma Nik Abu Bakar, Sek. 27, Jalan Yong Yunus, 15300 Kota Bharu, Kelantan |
| 3. | Khairul Anuar Bin Idris | DH 41 | Pemasangan Kenderaan Bermotor | Kolej Komuniti Gerik, Kementerian Pengajian Tinggi, Bukit Nasah, 33300 Gerik, Perak | ASA Motor Enterprise, No. 28 Jalan Durian, Taman Sinaran, Gerik, Perak |
| 4. | Aisyah Binti Bahaudin | E27 | Kemasan Bilik | Institut Kemahiran Belia Negara, Bandar Penawar, Jalan Kejora Utama, Bandar Penawar, 81930 Kota Tinggi, Johor | KSL Resort Johor Bahru, No. 33, Jalan Seladang, Taman Abad, 80250 Johor Bahru, Johor |
| 5. | Norhisham Bin Md Saad | DH 32 | Pemasangan Kenderaan Bermotor | Kolej Komuniti Jempol, Taman Industri Mahsan, 72100 Bahau, Negeri Sembilan | Azuan Auto Service, Tapak Perniagaan Koperasi, Felda Raja Alias 2, 72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan |
| 6. | Mohamad Riduan Bin Md. Romli | J30 | Automotif | Institut Kemahiran MARA Lumut, Jalan Dato Seri Kamaruddin, 32040 Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan | Manjung Service Centre, Blok J-12, Fasa 1C1, Bandar Sri Manjung, 32040 Sitiawan, Perak |
| 7. | Jenny Unyang Raymond Jok | DG44 | Pentadbiran Perniagaan | Kolej Vokasional Miri, Lorong 10, Jalan Jee Foh, Krokop 98000, Miri Sarawak | Sarawak Plantation Berhad, Miri, Sarawak |
| 8. | Badri Bin Sidek | J36 | Komputer Sistem | ADTEC Taiping Pt. 15643 Kamunting Raya, Mukim Asam Kumbang, 34600 Kamunting Raya, Taiping, Perak | Fokus Unggu, 22, Rapat Permai 2, Taman Rapat Permai, 31350 Ipoh, Perak |
| 9. | Norazean Binti Ali | J29 | Juru Elektrik | Ilp Kuantan, Lot 10, Kawasan Perindustrian Gebeng, 26080 Kuantan, Pahang | Tenaga Nasional Berhad (Kuantan), Aras 2, Wisma TNB, Lot 14, Seksyen 19, Jalan Gambut, Kuantan, Pahang |
| 10. | Mohd Firdaus Bin Ahmad | J29 | Komputer Sistem | Pusat Latihan Teknologi Tinggi, Kawasan Perindustrian Kamunting Raya, 34600 Kamunting, Perak | Tanjong Tech, No. 131. Jalan Putra D/1. Taman Klebang Putra, 31200 Chemor, Perak |
| 11. | Mohd Shahrezaal Bin Abd Hamid | DH41 | Industri Pembinaan | Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Jabatan Kejuruteraan Awam, KM 8, Jalan Paka, 23000 Terengganu | NJ Supply & Services, No. 12, Bangunan Mara, 21600 Marang, Terengganu |
| 12. | Juriati Binti Abang Asa | DH41 | Landscape | Kolej Komuniti Mas Gading | MY City Landscaping, SI 12, Lot 789, Jalan Hup Kee, 93250 Kuching, Sarawak |

Jadual 19 : Peserta LSI Siri 5/2013

| Bil | Nama Peserta | Gred Jawatan | Bidang Kemahiran | Alamat Tempat Bertugas | Firma LSI |
|-----|------------------------------------|--------------------------|-------------------------------|--|--|
| 1. | Saifuddin Bin Kamari | DG 44 | Penyamanan Udara | Sekolah Menengah Vokasional Kluang, Km.3, Jalan Mengkibol 86000 Kluang, Johor | Z And R Air Cond & Enterprise, 19, Jalan 3/19, Taman Sri Kluang, 86000 Kluang, Johor |
| 2. | Siti Aidah Binti Wardi | J41 | Elektronik Industri | Pusat Latihan Teknologi Tinggi Batu Pahat (ADTEC), Km 8, Jalan Tanjong Laboh, 83000 Batu Pahat, Johor | Fujitsu Component (Malaysia) Sdn. Bhd., No. 1, Lorong Satu, Kawasan Perindustrian Parit Raja, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor |
| 3. | Rozana Binti Rahim | E 22 | Juru Batik | Institut Kemahiran Belia Negara Jitra, Km 23, Jalan Changion, 06000 Jitra, Kedah | Yi'e Batik, Kg. Kedai Piah, 16450 Ketereh, Kota Bharu, Kelantan |
| 4. | Mohd. Kamarul Ariffin Bin Salaudin | DH 32 | Teknologi Pembuatan Bersepadu | Kolej Komuniti Kepala Batas, No. 87, Lorong Bertam Indah 1, Taman Bertam Indah, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang. | KTPC Technologies Sdn. Bhd., Kulim Hi-Tech Park, Techno Centre Kulim Hi-Tech Park, 09000 Kulim, Kedah |
| 5. | Mohd. Syahrulzaman Bin Sapar | PPPT DH34 | Industri Pembinaan | Kolej Komuniti Jelebu, Jalan Seperi, 71600 Kuala Klawang Negeri Sembilan | Capitalpac Construction Sdn. Bhd., No. 648, 1st Floor, Jalan Haruan 4/9, Oaklland Commercial Centre, 70200 Seremban, Negeri Sembilan |
| 6. | Nazaliah Binti Ismail | PPPT DH29 MEMANG KU DH32 | Jahitan Pakaiwan Wanita | Kolej Komuniti Pasir Gudang, No. 61, Jalan Kijang, Taman Scientex 81700 Pasir Gudang, Johor | Kurin Enterprise, No. 4, Kedai MPK, Jalan Wan Embong, Kampung Melayu, 86000 Kluang, Johor |
| 7. | Wan Mohd Hakimin Bin Wan Shafie | DH41 | Industri Pembinaan | Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Km 8, Jalan Paka, 23000 Dungun, Terengganu | Jurukur Ismail Talib, No. 13, Jalan Seri Pagi 1, Pusat Perdagangan Seri Pagi, Sg. Choh, 48000 Rawang, Selangor |
| 8. | Sabaruddin Bin Saripuddin | J36 | Alat Keperisian Elektrik | Institut Kemahiran MARA Kota Kinabalu, Lot 4, Kota Kinabalu Industrial Park, Km 7, Jalan Sepanggar, 88450 Kota Kinabalu, Sabah | Demi Cerah Construction Sdn. Bhd., Shop 2, Ground Floor & 1st Floor, Phase 6, Luyang, 88300 Kota Kinabalu, Sabah |
| 9. | Sarudin Bin Rohseli | J42 | Semiconductor Production | Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Taiping, Kamunting Raya 34600 Perak | Fiji Semiconductor, Lot 5 Industrial Zone Phase 1, Kulim Hi-Tech Industrial Park, 09000 Kulim, Kedah |

| Bil | Nama Peserta | Gred Jawatan | Bidang Kemahiran | Alamat Tempat Bertugas | Firma LSI |
|-----|-----------------------------|--------------|---------------------|---|--|
| 10. | Azad Bin Mohamad | J17 | Juru Elektrik | Institut Kemahiran Belia Negara Alor Gajah, Km 34, Jalan Ramuan China Besar, 78300 Masjid Tamah, Melaka. | H.W Mahmud Enterprise, No. 353-3, Lorong Hj. Nonya, Bt 3, Pasir Putih, 75350 Bachang, Melaka |
| 11. | Sharifuddin Bin Noor Rani | J29 | Juru Elektrik | Institut Kemahiran Belia Negara, Bandar Seri Iskandar 32610 Seri Iskandar, Perak | LETCON Enterprise, No. 11, Persiaran Dataran 1, 32610 Bandar Baru Seri Iskandar, Perak |
| 12. | Sharifah Binti Manshor | J22 | Lukisan Seni Bina | Institut Kemahiran Belia Negara, Km 23, Jalan Changloon, 06000 Jitra, Kedah | Almakon Sdn. Bhd., No. 16, Lorong Laksana, Jalan Telok Wanjah, 05200 Alor Setar, Kedah |
| 13. | Nor Amida Binti Miar | J29 | Elektronik Industri | Institut Latihan Perindustrian, Lot 10, Kwsn. Perindustrian Gebeng, 26080 Kuantan, Pahang | Precise Calibration Sdn. Bhd., PFCE Group of Companies, P.O. Box 61, Kawasan Perindustrian Telok Kalong, 24007 Kemaman, Terengganu |
| 14. | Normah Binti Mohd Yussof | J22 | Elektronik Industri | Institut Latihan Perindustrian (ILP), Jalan Kuchai Lama, 58200 Kuala Lumpur | SIRIM Berhad, No.1, Persiaran Dato' Menteri, Seksyen 2, 40700 Shah Alam, Selangor. |
| 15. | Saidatul Asikin Binti Rusli | E17 | Terapi Kecantikan | Institut Kemahiran Belia Negara Peretak, 44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor | Nurul Klasik Bridal & Boutique Spa, No. 7, Jalan Murni 12, Taman Murni, 83000 Batu Pahat, Johor |
| 16. | Saiyidina Bin Hamat | J36 | Juru Elektrik | Institut Kemahiran MARA Besut, Jalan Batu Tumboh, 22200 Besut, Terengganu | Tenaga Nasional Berhad (Kota Bharu), Aras 5 & 9, Wisma TNB, Jalan Tok Hakim, 15000 Kota Bharu, Kelantan |
| 17. | Nik Mohd Zin Bin Said | J36 | Mekanik Industri | Institut Kemahiran Belia Negara Temerloh, Jln. Kg. Bongsu, 28500 Langchang, Pahang | Madura Global Ventures Sdn. Bhd., Lot 5602, Jln. Industri 2, Gong Medang Industrial Area, 22200 Tembila, Besut, Terengganu. |



Gambar 5 : Antara Firma yang Terlibat dengan Program LSI 2013



Gambar 6 : Aktiviti-Aktiviti yang Dilaksanakan oleh Pegawai dalam Latihan Sepanjang Tempoh LSI 2013

Bengkel Pembangunan dan Pemantapan Pakar

Bahagian Pembangunan dan Pemantapan Pakar mula ditubuhkan di CIAST pada Februari 2012. Secara umumnya fungsi bahagian ini adalah seperti Rajah 1.



Rajah 1 : Fungsi Bahagian Pembangunan & Pemantapan Pakar

Pada tahun 2013, Bahagian Pembangunan dan Pemantapan Pakar telah menganjurkan dua (2) program utama, iaitu :

i) Bengkel Pemantapan dan Penilaian Pakar Lantikan DPIN

Bengkel Pemantapan dan Penilaian Pakar dijalankan untuk menguji dan meningkatkan kefahaman serta pengetahuan Personel Pakar Lantikan DPIN dari segi panduan, peraturan, penugasan dan pelaksanaan selain dapat memastikan personel yang telah dilantik sentiasa mengemaskini pengetahuan dan perubahan di dalam pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).

Pakar yang layak memohon dan dipertimbangkan menduduki bengkel penilaian ini mestilah Personel Pakar Lantikan DPIN yang akan tamat tempoh lantikan dan ingin membuat pembaharuan lantikan bagi mana-mana lima (5) jawatan berikut :

- PPL : Pegawai Pengesah Luaran
- PPL-SLDN : Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Dual Nasional
- PPL-PLV : Pegawai Pengesah Luaran Pegawai Latihan Vokasional
- PP-PPT : Pegawai Penilai Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu; dan
- PPL-PPT : Pegawai Pengesah Luaran Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu

Modul Bengkel Pemantapan dan Penilaian Pakar merangkumi :

1. Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)
2. Personel Pusat Bertauliah dan Pakar
3. Kaedah Pentaulahan dan Persijilan Pusat Bertauliah
4. Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)



Gambar 7 : Sesi Bengkel Pemantapan dan Penilaian Pakar

Sepanjang tahun 2013, sebanyak tujuh (7) siri Bengkel Pemantapan dan Penilaian Pakar Lantikan DPIN telah dijalankan. Statistik pada Jadual 20 menunjukkan bengkel telah dijalankan bermula April 2013 hingga November 2013 dengan jumlah keseluruhan peserta adalah seramai 135 orang.

Jadual 20 : Statistik penganjuran Bengkel Pemantapan & Penilaian Pakar tahun 2013

| Bil. | Program | Tarikh | Jumlah Peserta |
|---------------|--|-------------------|----------------|
| 1. | Bengkel Pemantapan dan Penilaian Pakar Siri 1/2013 | 1 - 3 Apr. 2013 | 31 |
| 2. | Bengkel Pemantapan dan Penilaian Pakar Siri 2/2013 | 12 - 24 Apr. 2013 | 22 |
| 3. | Bengkel Pemantapan dan Penilaian Pakar Siri 3/2013 | 14 - 16 Mei 2013 | 22 |
| 4. | Bengkel Pemantapan dan Penilaian Pakar Siri 4/2013 | 24 - 26 Jun 2013 | 18 |
| 5. | Bengkel Pemantapan dan Penilaian Pakar Siri 5/2013 | 19 - 21 Ogos 2013 | 4 |
| 6. | Bengkel Pemantapan dan Penilaian Pakar Siri 6/2013 | 9 - 11 Sept. 2013 | 9 |
| 7. | Bengkel Pemantapan dan Penilaian Pakar Siri 7/2013 | 11 - 13 Nov. 2013 | 29 |
| Jumlah | | | 135 |

ii) Bengkel Pegawai Verifikasi Nilai (PV-N)

Bengkel Pegawai Verifikasi Nilai (PV-N) merupakan satu (1) program yang baru diperkenalkan pada tahun 2013. Bengkel ini dijalankan bagi memenuhi keperluan SPKM berdasarkan kredit yang akan dilaksanakan melalui satu (1) sistem aplikasi yang dikenali sebagai Sistem Kredit Kemahiran Malaysia (SKKM). Kumpulan sasaran bengkel ini adalah dari kalangan PIND dan PAJAR yang didaftarkan dalam DPIN.

Pada tahun 2013, sebanyak lapan (8) siri Bengkel Pegawai Verifikasi Nilai (PV-N) telah dijalankan. Jadual 21 menunjukkan 316 peserta telah menghadiri Bengkel PV-N yang telah dilaksanakan bermula Jun hingga Disember 2013.

Jadual 21 : Statistik penganjuran Bengkel Pegawai Verifikasi Nilai (PV-N) Tahun 2013

| Bil. | Program | Tarikh | Jumlah Peserta |
|---------------|---|-------------------|----------------|
| 1. | Bengkel Pegawai Verifikasi Nilai (PV-N) Siri 1/2013 | 3 - 5 Jun 2013 | 46 |
| 2. | Bengkel Pegawai Verifikasi Nilai (PV-N) Siri 2/2013 | 17 - 19 Jun 2013 | 44 |
| 3. | Bengkel Pegawai Verifikasi Nilai (PV-N) Siri 3/2013 | 19 - 21 Ogos 2013 | 33 |
| 4. | Bengkel Pegawai Verifikasi Nilai (PV-N) Siri 4/2013 | 9 - 11 Sept. 2013 | 36 |
| 5. | Bengkel Pegawai Verifikasi Nilai (PV-N) Siri 5/2013 | 7 - 9 Okt. 2013 | 38 |
| 6. | Bengkel Pegawai Verifikasi Nilai (PV-N) Siri 6/2013 | 21 - 23 Okt. 2013 | 45 |
| 7. | Bengkel Pegawai Verifikasi Nilai (PV-N) Siri 7/2013 | 6 - 8 Nov. 2013 | 50 |
| 8. | Bengkel Pegawai Verifikasi Nilai (PV-N) Siri 8/2013 | 4 - 5 Dis. 2013 | 24 |
| Jumlah | | | 316 |



Gambar 8 : Siri Bengkel Pegawai Verifikasi Nilai (PV-N)

Kursus Induksi Pentauliahan (PP-PPD-PPB, PP-PPT & PPL)

Unit Kursus Induksi Pentauliahan (KIP) di bawah Program Kelayakan Kekompetenan (KK), CIAST berfungsi untuk merancang dan melaksanakan tiga (3) jenis Kursus Induksi Pentauliahan seperti berikut :

- i. Kursus Induksi Pentauliahan PP-PPD-PPB,
- ii. Kursus Induksi Pentauliahan PP-PPT dan
- iii. Kursus Induksi Pentauliahan PPL.

Penganjur-penganjur KIP adalah terdiri daripada penganjur swasta atau awam bersama CIAST selaku penyelaras kursus. Dua (2) orang penceramah telah ditugaskan bagi setiap penganjuran KIP. Penceramah terdiri daripada kakitangan Ibu Pejabat JPK Putrajaya, Cyberjaya, JPK Wilayah dan CIAST sendiri. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 200 penganjuran KIP telah dijalankan di seluruh negara seperti Jadual 22.

Jadual 22 : Penganjuran dan Bilangan Peserta KIP 2013


| Jenis KIP | Bilangan Penganjuran | Bilangan Peserta |
|---------------|----------------------|------------------|
| 1. PP-PPD-PPB | 146 | 4,399 |
| 2. PP-PPT | 21 | 548 |
| 3. PPL | 33 | 1,104 |
| Jumlah | 200 | 6,051 |

PENINGKATAN KEUPAYAAN APLIKASI ICT

Transisi Protokol *Internet* Versi (IPV6)

Peralihan penggunaan protokol *internet* IPv4 kepada protokol *internet* IPv6 di sistem rangkaian CIAST telah bermula pada 1 Julai 2013 dan dikendalikan oleh syarikat My6 Initiative Berhad yang merupakan salah satu syarikat yang terlibat di dalam pemasangan IPv6 di agensi kerajaan. Peralihan ini dilakukan sejajar dengan saranan pihak MAMPU yang telah menetapkan transisi IPv6 perlu dibuat oleh setiap agensi kerajaan bagi memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan menerusi rangkaian *internet* dan menetapkan sasaran untuk menjadikan Malaysia sebuah negara tersedia IPv6 (IPv6 ready) pada akhir tahun 2010. Kemunculan Protokol *Internet* Versi 6 (IPv6) adalah satu keperluan kepada perkembangan *internet* dan pembangunan aplikasi melalui sambungan *internet* mudah alih. IPv6 adalah satu penyelesaian jangka panjang dalam menangani kekurangan IPv4. IPv6 merupakan salah satu (1) elemen strategi *blueprint MyICMS 886 (Malaysia Information, Communication and Multimedia Services 886)* dan juga merupakan salah satu bidang fokus dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Selain memenuhi mandat Kerajaan untuk transisi IPv6, ianya juga memberi faedah dalam aspek teknikal dan komersial. Sebagai contoh, IPv6 dapat menghapuskan penggunaan *Network Address Translator (NAT)* dalam infrastruktur rangkaian organisasi bagi memudahkan operasi ICT.

Ciri-ciri *encryption* dan *authentication* yang terdapat dalam IPv6 amat penting dan berguna dalam infrastruktur ICT Sektor Awam. Agensi juga dapat menggunakan sepenuhnya faedah IPv6 dalam mengukuhkan keselamatan rangkaian dan memudahkan pengurusan infrastruktur. Kini sistem rangkaian CIAST telah dilengkapi dengan protokol internet IPv6 sepenuhnya setelah dianugerahkan pencapaian *Platinum Standard Of IPV6 Readiness* oleh syarikat My6 Initiative Berhad pada 25 Julai 2013.



Gambar 9 : Penganugerahan *Platinum Standard Of IPV6 Readiness*

Pewujudan Sistem Baru

Pada tahun 2013, sebanyak dua (2) sistem diwujudkan di CIAST iaitu Sistem eKonvokesyen dan Sistem Pengurusan Dokumen Khas.

Sistem eKonvokesyen

Sistem eKonvokesyen dibangunkan oleh PEM di atas permintaan Jawatankuasa Konvokesyen CIAST 2013 untuk menjemput graduan CIAST bagi menghadiri Majlis Konvokesyen CIAST yang diadakan pada 27 Oktober 2013.

Kelebihan sistem:

1. Para graduan boleh membuat semakan terperinci mengenai Majlis Konvokesyen
2. Memuat turun beberapa borang dan prosidur yang perlu dipatuhi oleh graduan
3. Membuat pengesahan kehadiran ke Majlis Konvokesyen menerusi sistem
4. Mencetak surat jemputan ke Majlis Konvokesyen CIAST

JEMPUTAN KE MAJLIS KONVOKESYEN PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) TAHUN 2013

Maaf, anda belum memilih maklumat kontak graduan.

No. Kad Pengenalan Baru : (Telefon : 03-5543 8223)

Pengesahan No. Kad Pengenalan Baru :

Soberang pertanyaan lanjut: sila hubungi Pe. Suraya binti Ali di talian boru: 03 - 5543 8223 atau Pe. Kazidah binti Saqip: 03- 5543 8295

Halaman Terakhir | © 2013 CIAST

Gambar 10 : Sistem eKonvokesyen

KIRIM!

Sila klik di maklumat berikut ini untuk melihat dan mengesahkan surat kejepuan para graduan sebelum mengambil di dalam bilang.

PERCUBA JAPAKAN MELAKUKAN SEMAKAN

03-5543 8223 | VTO JANUARI 2013

Sila klik istanag Maklumat Penting Untuk Anda di bawah untuk untuk mengetahui beberapa arahan yang perlu dipatuhi oleh para graduan sebelum Majlis Konvokesyen CIAST.

Gambar 11 : Sistem eKonvokesyen

Sistem Pengurusan Dokumen Khas

Satu (1) aplikasi *online* yang dibangunkan oleh PEM berkonsepkan *Document Management System (DMS)* untuk menyimpan salinan surat kelulusan khas yang terdiri dari lima (5) kategori surat daripada CIAST, KP JPK, KSU KSM, Menteri KSM dan Kementerian Kewangan. Sistem membolehkan pengguna yang merupakan kakitangan CIAST sahaja membuat capaian akses dan memuat turun salinan surat tersebut di dalam format pdf. Sistem telah ditambah baik dengan pertambahan modul Kertas Cadangan CIAST.



Gambar 12 : Sistem Pengurusan Dokumen Khas



Gambar 13 : Kategori Dokumen

Penambahbaikan Laman Web CIAST

Laman Web CIAST telah ditambahbaik dari segi pembangunan web menggunakan joomla *version 3.0* pada Julai 2013. Penambahbaikan merangkumi reka bentuk dan susunan maklumat yang berbeza berbanding laman web yang lama.

Ciri penambahbaikan yang telah dibuat ialah:

1. Ruangan pengumuman dan berita semasa yang lebih besar dan jelas untuk membolehkan banyak pengumuman boleh dipaparkan dalam satu (1) masa
2. Capaian maklumat mengikut kategori pengguna diletakkan di sebelah menu kanan untuk memudahkan capaian terus kepada tajuk-tajuk penting mengikut keperluan pengguna
3. Susunan menu dan kandungan yang lebih teratur, ringkas dan lebih mesra pengguna



Gambar 14 : Laman Web Baru

PROGRAM KERJASAMA DENGAN AGENSI LUAR

Skills Malaysia Leaders Forum

Skills Malaysia Leaders Forum telah diadakan pada 26 September 2013 bertempat di *Malaysia Agro Exposition Park Serdang* (MAEPS). Seramai 422 peserta dari ILKA dan ILKS telah menghadiri forum tersebut. Sebagaimana yang dirancang, terdapat lapan (8) pembentangan kertas kerja telah dibentangkan dengan dilaksanakan sebanyak empat (4) sesi. Sesi pertama dengan pembentangan bertajuk 'Halatuju Latihan Kemahiran Negara Menjelang Tahun 2020: Menepati Keperluan Tenaga Mahir Negara Maju dan Bertaraf Dunia' disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Wan Mohd. Zahid Bin Mohd. Noordin, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti Teknologi MARA serta Pn. Zaimah Bt. Hj. Long, Naib Presiden, *Business Ecosystem*, IRDA. Sesi pertama telah dipengerusikan oleh En. Nidzam Bin Kamarulzaman (Timbalan Ketua Pengarah I JPK).

Sesi kedua dengan pembentangan bertajuk 'Peranan Penting ILKS sebagai Pelengkap Sistem Latihan Kemahiran Negara' telah disampaikan oleh En. Nordin Bin Abdul Malik, Pengurus Gabungan ILKS Bumiputera serta diikuti oleh En. Sailanathan Podian, Presiden FEMAC dengan dipengerusikan oleh Dr. Mohammad Bin Sulaiman, Pengarah *Project Monitoring Office* (PMO), JPK. Sesi ketiga dengan pembentangan 'Keperluan Latihan Kemahiran dalam Perspektif Sabah dan Sarawak' telah disampaikan oleh En. Nelson Mosinoh, Pengurus Konsortium Pusat Latihan Kemahiran Swasta Bumiputera Sabah dan YBhg. Datu Haji Mohamad Abu Bakar Bin Marzuki, Pengarah Pusat Pembangunan, Pendidikan Yayasan Sarawak.

Sesi ketiga telah dipengerusikan oleh En. Suimi b. Abd. Majid (Pengarah CIAST). Sesi keempat dengan pembentangan 'Isu, Cabaran dan Syor-syor untuk Mempertingkatkan Keupayaan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) Menuju Status Negara Maju' telah disampaikan oleh En. Abdul Malik Bin Adam, Ketua Pegawai Eksekutif PTPK dan YBhg. Datuk Dr. Pang Chau Leong, Ketua Pengarah JPK. Sesi ini pula dipengerusikan oleh Tn. Hj. Jamil Bin Yahya, Timbalan Pengarah CIAST.



Gambar 15 : Sekitar *SkillsMalaysia Leaders Forum*

Seminar Creativity and Innovation in Learning Environments Using ICT

Seminar *Creativity and Innovation in Learning Environments Using ICT* telah diadakan pada 16 April 2013 di Auditorium, CIAST. Seminar ini telah dirasmikan oleh Tn. Hj. Jamil Bin Yahya, Timbalan Pengarah CIAST dan dihadiri oleh seramai 321 peserta melibatkan 253 peserta dari agensi awam dan 68 peserta dari agensi swasta. Tujuan seminar adalah untuk berkongsi pengetahuan dan informasi terkini berkaitan kreativiti serta inovasi bagi meningkatkan kemahiran ICT dalam persekitaran latihan dan pembelajaran yang berkualiti, kreatif dan inovatif di mana pelbagai kaedah dan media digunakan untuk melahirkan tenaga pengajar kemahiran atau tenaga kerja mahir. Ia juga memberi peluang dan pendedahan kepada semua peserta untuk menghayati dengan lebih mendalam tentang pembudayaan, kepentingan, impak dan pengaruh kreativiti serta inovasi dalam aplikasi pendidikan dengan sokongan ICT pada masa kini seperti penggunaan aplikasi *eTraining*, *eLearning*, *Learning Management System (LMS)* dan aplikasi simulasi komputer yang banyak digunakan dalam persekitaran *blended learning* kini.


Para peserta telah didedahkan dengan satu pembelajaran berteraskan penggunaan persekitaran berkonsepkan ICT menerusi satu (1) kaedah yang dinamakan TRIZ (*Theory of Inventive Problem Solving*) sebagai *tools* untuk mengatasi masalah harian secara kreatif dengan menganalisa logik dan data di mana teori ini telah banyak digunakan oleh syarikat gergasi Amerika seperti *Boeing*, *Hewlett Packard*, *IBM* dan *Motorola*. Pengakhiran seminar ini, peserta juga lebih memahami bagaimana sokongan teknologi ICT pada masa ini dapat menjadi pemudah cara kepada proses melahirkan rakyat yang berpengetahuan seterusnya dapat memenuhi impian negara ke arah menjana *K-Workers* untuk mendokong Wawasan 2020.

Berikut adalah tajuk-tajuk pembentangan yang telah disampaikan oleh empat (4) orang penceramah jemputan dalam seminar tersebut iaitu:

- i. Pembentangan 1 : *Systematic Innovation Using TRIZ (Theory of Inventive Problem Solving)* oleh En. Tan Eng Hoo dari Multimedia Development Corporation (MDEC), Cyberjaya.
- ii. Pembentangan 2 : *ICT In Education (Moving Towards Future Generation)* oleh Dr. Sundresan Perumal dari Limkokwing University, Cyberjaya.
- iii. Pembentangan 3 : *Using Multimedia Content And Social Media To Intensify The Learning Environment* oleh Dr Yahaya Abdullah dari KRU Academy, Cyberjaya.
- iv. Pembentangan 4 : *Enhancing Skill Learning with e-Training* oleh Pn. Norizah Md Sharif, Ketua Pegawai Eksekutif Smart K-Worker Professional Consortium Sdn. Bhd.



Gambar 16 : Peserta Seminar



Carta 4 : Statistik Kehadiran Peserta Seminar *Creativity and Innovation in Learning Environments Using ICT*


Seminar *Interactive Mobile for Learning, Fun and Profit*

Seminar *Interactive Mobile for Learning, Fun and Profit* telah diadakan pada 19 September 2013 bertempat di Auditorium CIAST. Seminar yang dirasmikan oleh En. Suimi Bin Abd. Majid, Pengarah CIAST yang baru telah dihadiri oleh seramai 401 peserta melibatkan 381 peserta dari agensi awam dan 20 peserta dari agensi swasta. Para peserta telah berpeluang bersama-sama menimba pengetahuan dan kemahiran mengenai isu interaksi secara *mobile* yang dilihat bukan sahaja dapat memberi hiburan dan keseronokan melalui aplikasi *mobile games* dan sosial yang banyak ditawarkan kini tetapi juga dapat memberi pulangan yang bernilai tinggi kepada dunia pendidikan dan memberi keuntungan dalam dunia perniagaan dari segi *mobile device*, *mobile entertainment*, *mobile education* dan *mobile marketing*.

Ia juga menyediakan platform yang strategik bagi menjana idea dan strategi dalam usaha mengarusperdalamkan agenda transformasi digital negara terutama melibatkan pembelajaran mudah alih atau m-pembelajaran dan pembelajaran di mana-mana atau u-pembelajaran merupakan dua (2) trend yang dilihat dapat mengukuhkan inisiatif e-pembelajaran di Malaysia. Antara inisiatif utama kerajaan yang sedang dilaksanakan selaras dengan *blueprint* tersebut ialah *Government Cloud Computing*, *Government Data Centre*, *Government Unified Communication*, *Service Intelligence*, *Digital Document Management System* dan *myGov Mobile* seperti aplikasi *MyHealth* dan *MyJAKIM*. Semua inisiatif ini menyumbang kepada pencapaian sasaran 90% penyediaan perkhidmatan secara *online* pada tahun 2015.

Berikut adalah tajuk-tajuk pembentangan yang telah disampaikan oleh seorang penceramah dalam yang merupakan kakitangan CIAST dan tiga (3) orang penceramah jemputan dalam seminar tersebut iaitu:

- i. Pembentangan 1 : *Interactive Cross-Platform Mobile Application, Development and Experience Sharing* oleh En. Norhisyam Bin Dasuki
- ii. Pembentangan 2 : *Mobile Apps for Teaching and Learning* oleh Prof. Madya Dr. Supyan Bin Hussin, Timbalan *Mobile Learning Association of Malaysia / UKM*
- iii. Pembentangan 3 : Terato Tech Sdn. Bhd.-*Development of Mobile Apps and Games* oleh Ir. Razali Bin Hamzah, Director of Terato Tech Sdn. Bhd-*Developer Mobile Native App (Android/iPhone)*
- iv. Pembentangan 4 : *New Age Visual Effects Revolution-Blockbuster Production with Mobile Equipment* oleh Dr. Yahaya Bin Abdullah, KRU Academy, Cyberjaya



Carta 5 : Statistik Kehadiran Peserta Seminar *Interactive Mobile for Learning, Fun and Profit*


Seminar *Previsualization and Animation*

Seminar *Previsualization and Animation* diadakan pada 19 November 2013 di Auditorium CIAST dan dirasmikan oleh Tn. Hj. Jamil Bin Yahya, Timbalan Pengarah CIAST. Ia dijayakan dengan usahasama profesional di antara CIAST dan Syarikat Medianetic yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi animasi. Penggunaan teknologi animasi dilihat tidak asing lagi dalam persekitaran masa kini kerana ia banyak merangkumi bidang hiburan hingga kepada bidang yang berunsurkan praktikal dan pendidikan.

Para peserta telah didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang animasi dan visualisasi yang dilihat bukan sahaja dapat memberi hiburan dan keseronokan melalui imej janaan grafik berkomputer dalam filem-filem cereka tetapi juga dapat memberi banyak faedah dalam dunia pendidikan khususnya memantapkan konsep pembelajaran berteraskan *blended learning* yang mengandungi gabungan animasi, audio dan video menggunakan perisian-perisian seperti *iClone 5-Real-time 3D Animation* dan *CrazyTalk Animator 2D Animation*.

Seramai 240 peserta telah menghadiri seminar ini melibatkan 173 peserta dari agensi awam dan 67 peserta dari agensi swasta. Berikut adalah tajuk-tajuk pembentangan yang telah disampaikan oleh dua (2) orang penceramah yang dijemput oleh Syarikat Medianetics, iaitu :

- i. Pembentangan 1 : *2D Animation, Previsualization dan 2D Animation, Previsualization dan Real-time 3D Game Design* oleh Mr. Enoc Burgos
- ii. Pembentangan 2 : *3D Stereoscopic Editing* oleh Mr. Walter



Carta 6: Statistik Kehadiran
Peserta Seminar *Previsualization and Animation*



Gambar 17 : Perasmian Seminar oleh Tn. Hj. Jamil Bin Yahya,
Timbalan Pengarah CIAST



Gambar 18 :
Perbincangan *The Working Group of ASEAN-Japan HRD Collaboration Programme*



Gambar 19 : Ahli *The Working Group of ASEAN-Japan HRD Collaboration Programme*

Seminar *The Working Group of ASEAN - Japan HRD Collaboration Programme*

Negara Jepun telah melaksanakan *ASEAN - Japan HRD Collaboration Programme* sejak tahun 2004. Tujuan program ialah memberi bantuan untuk pembangunan infrastruktur bagi pembangunan sumber manusia di negara Cambodia, Laos, Myanmar dan Vietnam (CLMV) dan mewujudkan kerjasama teknikal di antara negara CLMV dengan negara ASEAN yang lain. Perancangan dan Penilaian bagi melaksanakan aktiviti ini telah diadakan di Gumaya Tower Hotel Semarang, Indonesia pada 15 Mei 2013. Kumpulan Kerja ini telah dipengerusikan oleh Mr. Fukuzawa Yoshiyuki dari Jepun dan Mr. Tep Oeun, Timbalan Ketua Pengarah Teknikal Vokasional Pendidikan dan Latihan, Kementerian Buruh dan Latihan Vokasional Cambodia.

Kumpulan kerja ini telah dibahagikan kepada tiga (3) bahagian, iaitu :

1. *New ASEAN - Japan HRD Programme on Manual for Vocational Training Instructors*
Negara Jepun akan membangunkan manual pengajar latihan vokasional yang dipanggil GAIN yang boleh diguna pakai oleh rantaui ASEAN di mana manual pengajar latihan vokasional telah dicetus dan dibangunkan di negara Jepun pada 20 tahun yang lalu. Bagi tujuan itu, negara Jepun akan menjemput lapan (8) wakil dari negara-negara ASEAN untuk menyertai latihan dan kursus serta mempelajari sistem CUDBAS yang telah digunakan di CIAST, Shah Alam.
2. *ASEAN - Japan Technical Meeting on Competency Standards*
Mr Kazushi Nishida dari Japan Vocational Ability Development Association (JAVADA), menjelaskan rangka kerja dan keputusan Mesyuarat Teknikal dan jadual bagi tahun 2012 – 2013. JAVADA akan berkongsi pengalaman mengenai standard kecekapan *Competency Standards* dan merancang untuk mengadakan Mesyuarat Teknikal selama tiga (3) hari di Tokyo, Jepun pada Februari 2014.
3. *ASEAN - Japan Planning and Evaluation Working Group Meeting*
Kementerian Kesihatan, Buruh dan Kebajikan (MHLW) Jepun menjelaskan rangka kerja dan keputusan *ASEAN - Japan HRD Collaboration Programme* bagi tahun 2012 - 2013 dan cadangan program yang akan dilaksanakan untuk tahun 2013 - 2014. Pihak MHLW Jepun mencadangkan pelaksanaan *ASEAN - Japan HRD Collaboration Programme* ini dilaksanakan di Makuhari, Jepun dan CIAST, Shah Alam pada 9 hingga 20 September 2013 di dalam skop *Management of Vocational Training Institutions for Realizing Decent Work, Especially By Execution of Career Guidance and Training Support Service*.

Penglibatan Mr. Raimei Nakano, sebagai pakar dari Jepun dan Encik Azli Amin Bin Ahmad Raus, pegawai CIAST sebagai pakar ASEAN dari Malaysia telah membuat pembentangan berkaitan pelaksanaan *Career Guidance and Training Support Service* bagi negara masing-masing.

Seminar Modern Ways of Education and Training in Welding Skill

Seminar ini telah diadakan pada 6 Jun 2013 di Auditorium CIAST dan dirasmikan oleh Dr. Ir. Azmi Bin Ahmad, Ketua Program PPK, CIAST. Seminar yang bertemakan *The Future of Welding Training* ini adalah anjuran bersama CIAST dengan KAT on-site Services (Malaysia) Sdn. Bhd dan GSI SLV Halle yang berpusat di Jerman. Tujuan seminar ini adalah untuk memperkenalkan serta mendedahkan kaedah teknologi terkini dalam penyampaian latihan dan pendidikan khususnya dalam bidang kemahiran kimpalan. Seminar dijalankan melalui dua (2) pendekatan, iaitu melalui syarahan dan demo mengenai teknologi simulasi kimpalan terkini yang disampaikan oleh Dipl. Ing. IWE Axel Bornet dari SLV Halle, Jerman. Seramai 209 peserta dari ILKA/ILKS yang terdiri dari pengajar dan pelajar telah menghadiri seminar tersebut.

Pekeliling Perkhidmatan JPA Bil. 6 Tahun 2005 mengenai Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam menetapkan bahawa setiap anggota perkhidmatan awam perlu menghadiri/mengikuti latihan atau kursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun bagi melengkapkan diri dengan sikap (*attitude*), kemahiran (*skills*) dan pengetahuan (*knowledge*) yang bersesuaian. Sehingga Disember 2013, jumlah kakitangan CIAST adalah seramai 249 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 247 kakitangan telah melepas tujuh (7) hari kehadiran latihan manakala dua (2) orang kakitangan gagal mencapai tujuh (7) hari kehadiran latihan. Pegawai berkenaan tidak dapat memenuhi keperluan latihan ini kerana cuti sakit dan cuti bersalin. Ini menjadikan pencapaian keseluruhan kehadiran latihan kakitangan CIAST ialah 99%. Pecahan kehadiran latihan mengikut hari adalah seperti di dalam Carta 11. Manakala pecahan kehadiran latihan mengikut program/bahagian di paparkan dalam Jadual 41.



Carta 11 : Pecahan Kehadiran Latihan Kakitangan CIAST Mengikut Bilangan Hari

Jadual 41 : Kehadiran Latihan Kakitangan CIAST Mengikut Program dan Bahagian


| Jumlah Hari | Jumlah Kakitangan | BKP | KK | PEM | PPK | PPL | SPD | KOR |
|--------------|-------------------|-----|------|------|------|------|-----|------|
| > 40 Hari | 3 | 0 | 0 | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 |
| 36 - 40 Hari | 4 | 0 | 0 | 0 | 3 | 0 | 0 | 1 |
| 31 - 35 Hari | 7 | 0 | 0 | 1 | 4 | 0 | 2 | 0 |
| 26 - 30 Hari | 13 | 0 | 1 | 1 | 6 | 1 | 4 | 0 |
| 21 - 25 Hari | 17 | 0 | 1 | 3 | 5 | 2 | 4 | 2 |
| 16 - 20 Hari | 36 | 3 | 3 | 6 | 8 | 5 | 9 | 2 |
| 11 - 15 Hari | 80 | 17 | 6 | 5 | 21 | 15 | 13 | 3 |
| 7 - 10 Hari | 87 | 16 | 16 | 5 | 20 | 15 | 15 | 0 |
| 0 - 6 Hari | 2 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 |
| | 249 | 37 | 27 | 21 | 70 | 38 | 48 | 8 |
| | 99% | 97% | 100% | 100% | 100% | 100% | 98% | 100% |

Analisa Kehadiran Latihan Kakitangan CIAST

Secara keseluruhannya, pecahan kehadiran latihan kakitangan CIAST mengikut jenis latihan sehingga Disember 2013 ini adalah seperti di dalam Jadual 42. Program PPK mencatat jumlah kehadiran latihan tertinggi, iaitu 317 latihan. Kursus Fasilitator dan Latihan Vokasional (KFLV) merupakan jenis latihan yang tertinggi, iaitu 338 dan kebanyakannya dihadiri oleh kakitangan Program SPD, iaitu seramai 182 orang.

Jadual 42 : Kehadiran Latihan Kakitangan CIAST Mengikut Kategori

| Jenis Latihan | KOD | BKP | KK | PEM | PPK | PPL | SPD | KOR | JUMLAH | % |
|---|------|------------|------------|------------|------------|------------|------------|-----------|-------------|------------|
| Kursus Kemahiran Teknikal | KKT | 1 | 0 | 7 | 74 | 10 | 3 | 2 | 97 | 7 |
| Kursus Pengurusan dan Pentadbiran | KPP | 44 | 10 | 10 | 17 | 9 | 11 | 2 | 103 | 8 |
| Kursus Berkaitan Perkhidmatan | KBP | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 |
| Kursus Umum dan Motivasi | KUM | 76 | 44 | 18 | 57 | 85 | 39 | 14 | 333 | 25 |
| Kursus ICT | KICT | 5 | 5 | 61 | 32 | 5 | 3 | 7 | 118 | 9 |
| Kursus/Aktiviti Luar Negara | KLN | 2 | 6 | 3 | 10 | 3 | 3 | 1 | 28 | 2 |
| Seminar/Bengkel/Taklimat/Ceramah/LSI | SFB | 95 | 42 | 19 | 49 | 34 | 36 | 12 | 287 | 22 |
| Kursus fasilitator & latihan vokasional | KFLV | 1 | 25 | 3 | 79 | 36 | 182 | 12 | 338 | 26 |
| | | 226 | 132 | 121 | 318 | 182 | 277 | 50 | 1306 | 100 |



Carta 12 : Pecahan Kehadiran Latihan Kakitangan CIAST Mengikut Jenis Latihan

Laporan Penilaian Keberkesanan Latihan Kakitangan 2013

Kesemua kakitangan yang telah mengikuti kursus perlu menghantar borang penilaian keberkesanan latihan (BK-S05-020) untuk direkodkan setelah dinilai oleh ketua masing-masing. Borang penilaian latihan adalah bagi memenuhi keperluan Sistem Kualiti CIAST. Jadual 43 memaparkan secara keseluruhan jumlah latihan dan status penerimaan borang BK-S05-02 bagi tahun 2013.

Jadual 43 : Status Pegantaran Borang BK-S05-02

| Bil. | Prog / Bhg | Jumlah Latihan | Telah Terima | Belum Terima | % |
|---------------|------------|----------------|--------------|--------------|------------|
| 1. | BKP | 226 | 226 | 0 | 100 |
| 2. | KK | 132 | 132 | 0 | 100 |
| 3. | PEM | 121 | 121 | 0 | 100 |
| 4. | PPK | 318 | 318 | 0 | 100 |
| 5. | PPL | 182 | 182 | 0 | 100 |
| 6. | SPD | 277 | 277 | 0 | 100 |
| 7. | KOR | 50 | 50 | 0 | 100 |
| Jumlah | | 1306 | 1306 | 0 | 100 |

MAJLIS KONVOKESYEN CIAST

Majlis Konvokesyen CIAST Tahun 2013 telah diadakan pada 27 Oktober 2013 di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Shah Alam, Selangor. Majlis ini diadakan bagi meraikan graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian di CIAST pada tahun 2012 dan 2013. Seramai 776 graduan telah berjaya menamatkan pengajian sepenuh dan separuh masa dalam kursus-kursus yang ditawarkan, iaitu Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV), Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dengan Sijil Pengajar Vokasional (SKM3+VTO) dan Sijil Pengajar Vokasional (VTO), VTO/VTE/VTM *Fast Track*, Fasilitator DESCUM, Fasilitator WIM dan Fasilitator CUDBAS. Statistik graduan mengikut kursus seperti Jadual 44.


Jadual 44 : Statistik Graduan CIAST Tahun 2013

| Kursus | Sesi Kemasukan | Jumlah Graduan |
|-------------------------------|---------------------------------|----------------|
| DLPV | 2/2010, 4/2010, 3/2011 & 4/2011 | 39 |
| SKM3 + VTO | 3/2011 & 4/2011 | 35 |
| VTO | 1/2012, 2/2012 & 3/2012 | 505 |
| VTO/VTE/VTM <i>Fast Track</i> | 1/2013, 2/2013, 3/2013 & 4/2013 | 145 |
| Fasilitator DESCUM | 2013 | 42 |
| Fasilitator WIM | 2013 | 6 |
| Fasilitator CUDBAS | 2013 | 4 |
| Jumlah | | 776 |

Majlis Konvokesyen telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Pang Chau Leong, Ketua Pengarah JPK. Penyampaian diploma dan sijil pada sidang pertama disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Pang Chau Leong dan YBhg. Dato' Hj. Romli Bin Hj. Hassan, Ketua Pengarah, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dan sidang kedua pula disempurnakan oleh En. Nidzam Bin Kamarulzaman, Timbalan Ketua Pengarah, JPK. Anugerah Graduan Terbaik kursus DLPV telah dianugerahkan kepada En. Mohd. Asmuni Bin Mohd Taib dari Kursus Teknologi Kimpalan bagi sesi 2/2010 dan En. Rithauddin Bin Alimudin dari kursus Teknologi Automotif sesi 4/2010. Anugerah Graduan Terbaik bagi kursus SKM3+VTO pula telah dianugerahkan kepada En. Mohamad Habibullah Bin Hussain dari kursus Teknologi Automotif sesi 3/2011 dan En. Nik Airin Bin Nik Azmi dari kursus Teknologi Elektronik bagi sesi 4/2011.

Bagi kursus VTO pula, Anugerah Graduan Terbaik dianugerahkan kepada Cik Gado Anak Kuta bagi sesi 1/2012, Cik Aqilah Nasihah Binti Sharom bagi sesi 2/2012 dan En. Muhammad Danial Bin Mohd. Pouzi bagi sesi 3/2012. Anugerah ini adalah penghargaan di atas pencapaian mereka yang cemerlang dalam latihan dan aktiviti luar.

Secara keseluruhannya Majlis Konvokesyen CIAST Tahun 2013 diadakan dengan penuh meriah dan mencapai objektifnya untuk memberi pengiktirafan kepada graduan yang berjaya serta memartabatkan lagi profesi pengajar kemahiran serta imej CIAST khususnya.



Gambar 32 : Sekitar Majlis Konvokesyen CIAST

KAMPUS SATELIT CIAST (CIAST SATELLITE CAMPUS – CSC)

Projek Kampus Satelit CIAST telah ditubuhkan melalui pendekatan Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy – BOS*) bagi menggantikan Projek CIAST Tanjung Malim. Objektif utama penubuhan Kampus Satelit CIAST adalah bagi mencapai sasaran unjuran tenaga pengajar kemahiran yang diperlukan sehingga tahun 2020 termasuk di Sabah dan Sarawak.

Projek CSC melibatkan 11 buah Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) di seluruh Malaysia, pihak swasta dan beberapa agensi kerajaan lain. CIAST Shah Alam akan bertindak sebagai kampus induk. Kampus satelit ini akan menggunakan kemudahan sedia ada di institusi tersebut seperti ruang kerja kakitangan, bilik kuliah, bengkel latihan, asrama, perpustakaan, dewan makan, makmal komputer serta kemudahan-kemudahan kampus lain tanpa mengganggu kursus-kursus latihan sedia ada di institusi berkenaan.

CSC akan memfokuskan kepada latihan tenaga pengajar baharu melalui program VTO. Selain dari itu, program VTE, VTM dan kursus-kursus *modular* akan turut ditawarkan. Kapasiti latihan bagi setiap kampus satelit dijangka mampu menampung sehingga 60 orang pelajar pada satu-satu masa.

Sehingga tahun 2013, tujuh (7) buah kampus telah dipilih sebagai CSC, iaitu;

- i. Kampus Satelit CIAST-Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Taiping
- ii. Kampus Satelit CIAST-Institut Latihan Perindustrian (ILP) Marang
- iii. Kampus Satelit CIAST-Institut Latihan Perindustrian (ILP) Selendar
- iv. Kampus Satelit CIAST-Institut Latihan Perindustrian (ILP) Sandakan
- v. Kampus Satelit CIAST-Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Bintulu
- vi. Kampus Satelit CIAST-Kolej Yayasan Sabah (KYS), Kota Kinabalu
- vii. Kampus Satelit CIAST-Kolej AITC, Kuching

Kesemua lima (5) buah Kampus Satelit CIAST - ILJTM berkenaan telah siap dinaik taraf dan akan memulakan operasi pengambilan pelajar sepenuh masa pada bulan Februari 2014. Sebanyak 40 program jangka pendek telah dijalankan yang melibatkan 908 peserta sepanjang tahun 2013 (Jadual 45).

Jadual 45 : Bilangan Program dan Peserta di Kampus Satelit CIAST Tahun 2013

| Bil. | Kampus | Bil. Program | Bil. Peserta |
|---------------|---------------------|--------------|--------------|
| 1. | CSC – ADTEC Taiping | 18 | 409 |
| 2. | CSC – ILP Marang | 14 | 318 |
| 3. | CSC – KOLEJ KYS | 4 | 81 |
| 4. | CSC – KOLEJ AiTC | 4 | 100 |
| Jumlah | | 40 | 908 |



Gambar 33 :
Antara Kemudahan Kampus Satelit CIAST



Jadual 46 : Lawatan Kunjungan Hormat Ke CSC

| Bil | Program | Tarikh |
|-----|--|---------------|
| 1. | Lawatan Kunjung Hormat Pengarah CIAST ke ILP Marang | 11 April 2013 |
| 2. | Lawatan Kunjung Hormat Pengarah CIAST ke ADTEC Taiping | 31 Mei 2013 |
| 3. | Lawatan Kunjung Hormat Pengarah CIAST ke Kolej Yayasan Sabah K. Kinabalu | 3 Julai 2013 |
| 4. | Lawatan Kunjung Hormat Pengarah CIAST ke ILP Sandakan | 4 Julai 2013 |
| 5. | Lawatan Kunjung Hormat Pengarah CIAST ke ADTEC Bintulu | 16 Julai 2013 |
| 6. | Lawatan Kunjung Hormat Pengarah CIAST ke KOLEJ AiTC | 17 Julai 2013 |
| 7. | Lawatan Kunjung Hormat Pengarah CIAST ke ILP Selandar | 15 Nov 2013 |



Gambar 34 : Lawatan Kunjungan Hormat ke CSC - ILP Marang



Gambar 35 : Lawatan Kunjungan Hormat ke CSC - ADTEC Taiping



Gambar 36 : Lawatan Kunjungan Hormat ke CSC Kolej Yayasan Sabah dan CSC - Kolej AiTC, Sarawak



Gambar 37 : Lawatan Kunjungan Hormat ke CSC – ILP Sandakan dan CSC – ADTEC Bintulu

Perjawatan Pengajar Contract For Service

Pada tahun 2013, seramai 19 pengajar kontrak telah dilantik dan mula bertugas di setiap CSC pada 25 November 2013 (Jadual 47). Seramai empat (4) pengajar kontrak ditempatkan di setiap kampus CSC-ILJT dan dua (2) orang di setiap kampus CSC-Swasta. Pengajar kontrak CSC telah diberikan *Refresher Induction Course* pada 6 hingga 22 November 2013.



Gambar 38 :
Kursus Vocational Training Manager (VTM)
Fast Track & Single Tier
Siri 4/2013 di CSC – ADTEC Taiping

Jadual 47 : Senarai Pengajar Kontrak CSC 2013

| Bil. | Nama | Lokasi CSC |
|------|-----------------------------------|-------------------|
| 1. | Azilawati Binti Mohd Ariffin | CSC-ILP Marang |
| 2. | Nora Binti Isnawi | CSC-ILP Marang |
| 3. | Zahara Binti Osman | CSC-ILP Marang |
| 4. | Siti Norbaya Binti Rani | CSC-ILP Marang |
| 5. | Mohd Ikhwan Bin Shaharin | CSC-ADTEC Taiping |
| 6. | Ellyna Rohaya Binti Mohamed | CSC-ADTEC Taiping |
| 7. | Siti Nur Hijjah Binti Abd Karim | CSC-ADTEC Taiping |
| 8. | Hafiza Binti Abd. Rahman | CSC-ADTEC Taiping |
| 9. | Faizul Haslan Bin Abu Hassan | CSC-ILP Selandar |
| 10. | Noor Suhaila Binti Abduram | CSC-ILP Selandar |
| 11. | Ridzuan Bin Hari | CSC-ILP Selandar |
| 12. | Mohd Husaini Bin Abu Bakar | CSC-ILP Selandar |
| 13. | Haspalela Binti Mohd nor | CSC-ILP Sandakan |
| 14. | Dayang Intan Binti Ag. Damit | CSC-ILP Sandakan |
| 15. | Mazwin Binti Yaakob | CSC-ILP Sandakan |
| 16. | Doratul Asyikin Binti Abd Kahar | CSC-ILP Sandakan |
| 17. | Mohd Syafiq Hilmi Bin Hasan Pekri | CSC-ADTEC Bintulu |
| 18. | Nur Syaza Afifah Binti Alias | CSC-ADTEC Bintulu |
| 19. | Rushda Binti Jamaludin | CSC-ADTEC Bintulu |



Gambar 39 : Kursus Vocational Training Officer (VTO) Fast Track & Single Tier Siri 18/2013 di CSC – ADTEC Taiping



Gambar 40 : Taklimat Pembangunan WIM dan Penilaian Berdasarkan NOSS
Format Baharu di CSC – ADTEC Taiping



Gambar 41 : Kursus Pembangunan dan Fasilitator NOSS (DESCUM)
Siri 13/2013 di CSC – ADTEC Taiping



Gambar 42 : Penilaian Verifikasi 720 Jam Kursus VTO Siri 4/2014 di CSC – ADTEC Taiping

ANUGERAH TOKOH MAHIR 2013

Seramai 21 orang calon Tokoh Mahir telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Carian yang dipengerusikan oleh Pengarah CIAST dan telah bersidang pada 10 April 2013 untuk memilih enam (6) calon terbaik untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Pemilihan. Senarai calon yang terpilih adalah seperti Jadual 48.

Jadual 48 : Calon-calon Anugerah Tokoh Mahir 2013

| Bil. | Nama calon | Agensi |
|------|---------------------------|--------------------------|
| 1. | Suhaimi Bin Hj. Taib | MARA |
| 2. | Zaihan Bin Zakaria | MARA |
| 3. | Mohd. Zahari Bin Hussain | Jabatan Penjara Malaysia |
| 4. | Mohini Bin Kamaruddin | Jabatan Tenaga Manusia |
| 5. | Abdul Rahim Bin Md. Tahir | Jabatan Tenaga Manusia |
| 6. | Asziman Bin Syukran | Jabatan Tenaga Manusia |

Pada 16 April 2013, Jawatankuasa Pemilihan yang dipengerusikan oleh KP JPK telah membuat penilaian terhadap enam (6) calon yang telah disenaraipendekkan. Walaubagaimanapun, mesyuarat tidak dapat mempertimbangkan seorang calon Anugerah Tokoh Mahir 2013 terbaik untuk dikemukakan kepada Menteri Sumber Manusia kerana tidak memenuhi kriteria Anugerah Tokoh Mahir yang telah ditetapkan. Oleh itu, mesyuarat memutuskan tiada Anugerah Tokoh Mahir yang diperakuan untuk tahun 2013. Namun begitu, pencarian Tokoh Mahir yang layak mengikut kriteria yang ditetapkan akan diteruskan untuk tahun 2014.

Persediaan Anugerah Tokoh Mahir 2014

Satu sesi percambahan fikiran yang dipengerusikan oleh Pengarah CIAST telah diadakan pada 22 Mei 2013. Sesi tersebut telah mencadangkan agar pemilihan tokoh mahir yang seterusnya adalah melalui kaedah *backward process*, iaitu calon-calon perlu memenuhi kriteria-kriteria berikut.

- i. Pengalaman dalam bidang kemahiran berkaitan minima 20 tahun.
- ii. Sumbangan dalam bidang/pembangunan kemahiran. (Contoh : *inventor*)
- iii. Sumbangan yang memberi impak kepada :
 - *Nation Building*
 - *Wealth Creation*
 - *Improvement to Quality of Life*
- iv. Pengiktirafan yang diterima sama ada dalam atau luar negara
- v. Melahirkan pelapis dalam bidang kemahiran berkaitan (*Talent Advancement*)
- vi. Kepimpinan - penggerak dalam organisasi
- vii. Pencapaian dalam bidang berkaitan
(Contoh : Organisasi kecil kepada besar / *Dual System*)

Sesi ini turut mengemukakan calon-calon tokoh mahir yang mewakili beberapa sektor NOSS untuk pencalonan tahun 2014. Nama yang dipilih sebagai calon senarai pendek Anugerah Tokoh Mahir Negara mengikut sektor dan tarikh sesi temuramah bersama calon tersebut adalah seperti Jadual 49.

Jadual 49 : Calon Anugerah Tokoh Mahir 2014 dan Tarikh Temuramah

| Bil. | Nama Calon | Sektor | Tarikh Temuramah |
|------|--------------------------------------|--|------------------|
| 1. | En. Zulkifli Bin Haron | Elektrikal & Elektronik, Telekomunikasi & Industri Penyiaran | 2 Disember 2013 |
| 2. | Dato' Ir. Wan Seman Bin Wan Ahmad | Pendidikan & Perkhidmatan Latihan | 24 Disember 2013 |

Sehingga kini, pengumpulan maklumat tambahan calon sedang dijalankan oleh pihak sekretariat sebelum diserahkan kepada Jawatankuasa Pemilihan untuk perakuan oleh Menteri Sumber Manusia agar seorang Tokoh Mahir boleh dinobatkan pada Majlis Anugerah Hari Pekerja 2014.



Gambar 43 : Sesi Temuramah Bersama Calon Tokoh Mahir 2014

DETIK KEGEMILANGAN CIAST



ANUGERAH PINGAT EMAS DAN PERAK 24TH INTERNATIONAL INVENTION, INNOVATION AND TECHNOLOGY EXHIBITION (ITEX) 2013

CIAST telah menghantar dua (2) reka cipta menyertai ITEX 2013 yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 9 hingga 11 Mei 2013 dan berjaya meraih pingat emas bagi reka cipta produk *Portable Security Monitoring System (PSMS)* dan pingat perak bagi reka cipta produk *Theft Deterrent Device (TDD) for Dome Cameras*. PSMS merupakan hasil ciptaan 13 orang pengajar CIAST, iaitu Nazrim Bin Tan, Mohd. Zulaffandi Bin Abdullah, Ahmad Mashudi Bin Alpiah, Helmi Bin Ab. Hamid, Mohamed Lotfi Bin Ariffin, Suzaini Bin Supingat, Noor Azita Binti Bakar, Ariffin Bin Mohammad, Irwan Bin Mohd. Amir, Saidi Bin Zain, Norzaid Bin Nordin, Rafizie Bin Rahaidir dan Azmanaruzee Bin Abdullah.

PSMS yang dihasilkan adalah terdiri daripada peralatan yang tahan lasak dan kukuh serta direka mudah alih dan kalis air. Produk ini terdiri daripada beberapa elemen penting, iaitu berupaya melakukan pengawasan secara pintar melalui kamera CCTV dan sistem penggera.

Sekiranya sensor dapat mengesan subjek, PSMS akan menghantar khidmat pesanan ringkas kepada pengawal. Selepas itu, pengawal akan dapat melihat apa yang berlaku melalui *smart phone*, komputer dan sebagainya. Pengawal juga boleh mengawal pergerakan kamera, iaitu ke kiri, ke kanan atau ke atas dan ke bawah. Elemen seterusnya, produk ini juga dilengkapi oleh *LED touch screen* untuk memudahkan pengguna mengawal skrin.

Pada masa kini, kita dapat amat sukar memperolehi CCTV *training kit* di pasaran dalam bentuk yang kecil. Oleh yang demikian, antara kelebihan lain PSMS ialah ianya boleh digunakan sebagai alat latihan (*training kit*) bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran berkaitan dengan sistem CCTV. Ruang penyimpanan yang diperlukan adalah kecil kerana saiznya yang kecil serta mudah di pasang. Selain itu, ianya juga boleh digunakan untuk kegunaan industri dan domestik.



Gambar 44 : En. Mohd. Zulaffandi Bin Abdullah Menerima Pingat Emas Produk *Portable Security Monitoring System (PSMS)*



Gambar 45 : En. Mohd. Zulaffandi Bin Abdullah Memberi Penerangan Tentang *Portable Security Monitoring System (PSMS)* Kepada Hakim ITEX 2013

Theft Deterrent Device (TDD) for Dome Cameras direka bentuk bagi menyelesaikan masalah berkaitan kecurian dan rompakan pada mesin ATM. Pada kebiasaannya, sebelum rompakan dilakukan, penjenayah akan menyembur cat pada kamera CCTV dan ini menyebabkan kamera tidak berupaya merakam kejadian rompakan tersebut atau lebih membimbangkan, kejadian tersebut hanya dapat diketahui pada keesokan harinya. Kelebihan *Theft Deterrent Device (TDD) for Dome Cameras* ialah apabila penjenayah menyembur cat pada kamera, penggera akan berbunyi, dan selepas itu, kamera tersebut akan mengalihkan bahagian permukaan yang terkena cat untuk kembali berfungsi merakam kejadian itu dengan rakaman yang lebih jelas. Dalam masa yang sama juga, TDD ini akan menghantar khidmat pesanan ringkas kepada pengawal yang bertugas dan seterusnya, pengawal boleh bertindak menghalang kejadian rompakan tersebut dengan lebih pantas. Inovasi ini telah direka oleh sembilan (9) orang pengajar CIAST, iaitu Mohd Zulaffandi Bin Abdullah, Nazrim Bin Tan, Mohamed Lotfi Bin Ariffin, Suzaini Bin Supingat, Yaakub Bin Saad, Mohd. Ozahir Bin Mat Palal, Azmanaruzee Bin Abdullah, Nor Azman Bin Ahmad dan Ahmad Zaki Bin Ali Hussin.



Gambar 46 : En. Mohd. Zulaffandi Bin Abdullah Memberi Penerangan Tentang *Theft Deterrent Device for Dome Cameras (TDD)* Kepada Hakim ITEX 2013



Gambar 47 : Tn. Hj. Ghazlan Bin Ghazali, Pengarah CIAST Memberi Penerangan Tentang Fungsi Produk CIAST Kepada Professor Madya Dr. Syed, UTP pada Pameran ITEX 2013

TEMPAT KEDUA TERBAIK PENYERTAAN CIAST DALAM ANUGERAH INOVASI NEGARA 2013

Pada 12 hingga 14 November 2013 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) telah berlangsungnya *World Innovation Forum (WIFKL 2013)* yang dianjurkan bersama oleh Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Forum ini menampilkan pelbagai acara berkaitan inovasi seperti seminar, pameran inovasi, penyelidikan, pertandingan dan sebagainya.

Antara acara yang telah berlangsung sempena WIFKL 2013 ini ialah Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (*National Innovation Conference and Exhibition - NICE*) 2013. Salah satu pengisian dalam *NICE* ialah Anugerah Inovasi Negara 2013 (AIN 2013). Ia merupakan anugerah yang mengangkat idea-idea inovasi yang berasas daripada segenap lapisan masyarakat Malaysia.

Anugerah ini telah diperkenalkan sejak tahun 2006. Bagi tahun 2013 ini, terdapat empat (4) kategori yang dipertandingkan, iaitu kategori produk, kategori perkhidmatan, kategori akar umbi dan kategori sekolah. Beribu penyertaan telah diterima oleh pihak pengajur dan dari jumlah tersebut, sebanyak 500 penyertaan telah disenarai pendek dan 10 yang terbaik dipertandingkan diperingkat akhir bagi setiap kategori.

CIAST telah menghantar empat (4) penyertaan dalam Anugerah Inovasi Negara 2013 di mana satu (1) penyertaan telah berjaya ke peringkat akhir, iaitu *Platinum Smart Alert System (PSAS)*. Inovasi PSAS direka bagi tujuan proses penyaluran air yang efisien kepada premis CIAST sepanjang aktiviti dijalankan tanpa gangguan bekalan air. Sebelum projek inovasi ini dipasang, pihak CIAST selalu mengalami gangguan bekalan air. PSAS terletak pada tangki utama, iaitu rumah pam CIAST. Rumah pam ini berfungsi menghantar air ke tangki seluruh bangunan CIAST. Kebiasaan bekalan air terganggu diketahui selepas air di tangki bangunan habis. Dengan itu, untuk memulihkan bekalan air semula perlukan masa yang lama. Sekiranya rumah pam bermasalah, PSAS akan menghantar SMS kepada juruteknik bersama dengan nama komponen yang rosak.

PSAS ini boleh dikawal oleh lapan (8) orang. Keseluruhan litar dikawal secara automatik. Terdapat sensor diletakkan di dalam tangki utama bagi mengesan kedudukan status air. PSAS ini juga dilengkapi dengan antena dan siren. Siren akan berbunyi sekiranya PSAS mengesan sebarang kerosakan. PSAS juga boleh mengesan *black out* pada rumah pam. PSAS boleh diprogram menggunakan telefon bimbit melalui SMS dan komputer. Kajian telah dijalankan setelah PSAS dipasang dan mendapat 84.4% penurunan punca masalah air berbanding sebelum projek. Setelah menyeragamkan penggunaan PSAS, kecekapan pengurusan air ditingkatkan kepada 60%. Latihan/kursus yang dirancang dapat dilaksanakan pada masa dan tempoh yang ditetapkan di samping dapat meningkatkan kepuasan pelanggan. Projek yang direka cipta oleh En. Mohd Zulaffandi Bin Abdullah dan pasukan Kumpulan Inovatif dan Kreativiti (KIK) CIAST yang sebelum ini telah memenangi pingat perak semasa ITEX 2012. Pada AIN 2013 kali ini, projek PSAS telah berjaya mendapat tempat kedua (ke-2) terbaik. Dengan pencapaian ini, CIAST telah berjaya membawa pulang RM1,000 dan sijil penyertaan. Ini merupakan penyertaan julung-julung kalinya dari CIAST dan diharapkan pada masa-masa akan datang lebih banyak lagi projek inovasi dapat dihasilkan dan berjaya dikenangkan ke peringkat yang lebih tinggi.



Gambar 48 :
Ahli Kumpulan CIAST Bergambar Bersama
Hakim Anugerah Inovasi Negara 2013



Gambar 49 : En. Mohd. Zulaffandi Bin Abdullah Bersama *Platinum Smart Alert System (PSAS)*

NAIB JOHAN PENYERTAAN KUMPULAN NURMINDA CIAST DALAM KONVENTSYEN KUMPULAN INOVASI DAN KREATIVITI (KIK) PERINGKAT KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KSM) 2013

Kumpulan KIK NURMINDA CIAST telah menyertai Konvensyen KIK sempena sambutan Hari Inovasi 2013 peringkat KSM yang berlangsung pada 3 hingga 4 Oktober 2013 di Dewan Serbaguna KSM, Putrajaya. Sebanyak 11 kumpulan yang terdiri daripada pelbagai agensi di bawah KSM telah menyertai pertandingan ini dan Kumpulan KIK NURMINDA bertanding bagi kategori teknikal.

Kumpulan NURMINDA telah mempersembahkan tajuk "Sistem Pengurusan Sisa Pepejal di Bengkel Program Pembangunan Pengajar Kemahiran (PPK) Tidak Cekap". Tajuk ini dipilih berasaskan kepada hasil perbincangan dan analisis yang dilakukan sepanjang pelaksanaan KIK Kumpulan ini. Hasilnya, sebuah projek yang diberi nama *RaFITS SMART BIN* telah dibangunkan untuk dipertandingkan dalam Konvensyen KIK ini.

Projek *RaFITS SMART BIN* ini amat bermanfaat untuk melancarkan sistem pengurusan sisa pepejal di bengkel-bengkel PPK. Kombinasi sistem mekanikal dan elektrikal yang diaplikasikan di dalam projek ini membolehkan kandungan sisa pepejal di pantau dari semasa ke semasa menggunakan sistem frekuensi radio dan seterusnya maklumat terus disampaikan kepada pihak pengurusan untuk tindakan lanjut.

Projek yang terbukti mampu meningkatkan kecekapan pengurusan sisa pepejal dari segi kepentasan penyampaian maklumat, ketepatan kandungan sisa, kekemasan persekitaran dan keseragaman hasil jualan sisa ini telah berjaya menambat hati para hakim sehingga kumpulan NURMINDA CIAST ini telah di nobatkan sebagai naib johan untuk kategori teknikal di dalam konvensyen ini.



Gambar 50 : *RaFITS SMART BIN*



Gambar 51 : Ahli Kumpulan NURMINDA CIAST

PENYERTAAN CIAST DALAM KEJOHANAN FORMULA SUKAN PERMOTORAN BELIA (FORMULA Y) 3.0 2013

Bahagian Pembangunan Kemahiran dan Bahagian Pembangunan Sukan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dengan kerjasama Kelab Sukan Permotoran Belia dan *Malaysia Motorsport Association (MAM)* telah menganjurkan Kejohanan Formula Sukan Permotoran Belia (Formula Y) 2013. Kejohanan ini dianjurkan bertujuan untuk menyokong perkembangan industri sukan permotoran negara. Secara langsung, program ini juga menjadi medan kepada belia menonjolkan kemahiran teknikal dalam penyiapan sesebuah jentera perlumbaan gaya formula yang mampu memberikan saingan dalam kejohanan ini.

Kejohanan ini berlangsung di Melaka *International Motorsport Circuit (MIMC)* di Ayer Keroh, Melaka pada 19 hingga 21 April 2013. *CIAST Motorsport Team (CMT01)* menyertai kategori Formula Y 3.0 (130cc) yang menggunakan enjin motorsikal empat (4) lejang dan merujuk kepada piawaian perlumbaan *Formula Society of Automotive Engineering (SAE) Racing Car / Formula 1 SAE*. CMT01 diketuai oleh En. Jamaluddin Bin Saat dan disertai seramai 13 orang pengajar dan 14 orang pelajar. CMT01 menduduki tempat kedudukan ke 19 dari 32 penyertaan.



Gambar 52 : Krew (CMT01) CIAST Motorsport Team di Litar

PENGURNIAAN PINGAT KEBESARAN

Tahniah diucapkan kepada Pn. Norhayati Binti Hj. Othman, Pembantu Tadbir Gred N17 yang telah menerima Pingat Jaksa Kebaktian (PJK) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-66 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Tahun 2012 yang telah disambut pada 21 Ogos 2013. Pengurniaan ini merupakan satu pengiktirafan di atas jasa dan khidmat bakti kepada perkhidmatan awam dan negara. Semoga beliau sentiasa meneruskan kecemerlangan perkhidmatan demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Setinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada 20 orang kakitangan CIAST yang telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2013. Keazaman untuk meneruskan kesungguhan dan ketabahan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab perlu diterapkan bagi meneruskan kecemerlangan perkhidmatan awam. Senarai nama Penerima Anugerah Khidmat Cemerlang Tahun 2013 adalah seperti Jadual 50.

Jadual 50 : Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2013

| Bil. | Nama | Gred Jawatan |
|------|-------------------------------------|-----------------|
| 1. | Ahmad Jefri Bin Sabri | PLV J48 |
| 2. | Ahmad Mashudi Bin Alpiah | PLV J48 |
| 3. | Nuzul Ridzuan Bin Padzil | PLV J48 |
| 4. | Hairol Bin Jaffar | PLV J44 |
| 5. | Helmi Bin Ab. Hamid | PLV J44 |
| 6. | Ku Azmie Bin Ku Husin | PLV J44 |
| 7. | Mohd. Zahiri Bin Salleh | PLV J44 |
| 8. | Khairul Anuar Bin Mahmood @ Talib | PLV J42 |
| 9. | Rogayah Binti Supian | PLV J42 |
| 10. | Mohd. Norazlinshah Bin Mohd. Salleh | PLV J41 |
| 11. | Rahimah Binti Abdul Hamid | PLV J41 |
| 12. | Shazrina Binti Roslan | PTM F41 |
| 13. | Nor'Azah Binti Jema'en | PPLV J38 |
| 14. | Tukimin Bin Solehan | PPLV J38 |
| 15. | Zaharlim Bin Zakaria | PPLV J38 |
| 16. | Shamsudin Bin Zakaria | PPLV J36 |
| 17. | Hamidah Binti Hussin | PPT N36 (M) |
| 18. | Noor Adlina Binti Ibrahim | Juru Teknik J17 |
| 19. | Nor Azirah Binti Ab. Manaf | PT (P/O) N17 |
| 20. | Fatin Kamalia Binti Jamaludin | PT (W) W17 |

KAJIAN



KAJIAN PERSEPSI TAHAP KOMPETENSI DAN KEYAKINAN DIRI PELAJAR CIAST TERHADAP LATIHAN KEMAHIRAN YANG TELAH DIIKUTI

Kajian ini telah diinisiatifkan oleh Dr. Ir. Azmi bin Ahmad selaku Ketua Program, Program Pembangunan Pengajar Kemahiran (PPK) susulan maklum balas dari Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia (*Federation of JPK Accredited Centers Malaysia - FeMAC*) tentang masalah sikap dan penguasaan Bahasa Inggeris pelajar CIAST semasa menjalani latihan *internship program VTO*. Kumpulan kajian ini terdiri daripada lapan (8) orang pegawai PPK, iaitu Pn. Molinda Binti Abd Rahman, En. Saiful Amir Bin Omar, Pn. Noor Azita Binti Bakar, Pn. Roslin Binti Mohd. Basri, En. Azli Amin Bin Ahmad Raus, En. Jamaluddin Bin Saat, Pn. Fadzilah Binti Hamzah dan En. Saidi Bin Zain.


Kajian yang pertama ini menyasarkan seramai 177 orang pelajar VTO Sesi Mei 2013 sebagai responden. Metodologi yang digunakan untuk mendapatkan data adalah dengan menggunakan kaedah pengisian borang soal selidik. Soalan dibahagikan kepada lapan (8) bahagian, iaitu:


- Bahagian A hingga C ialah soalan demografi responden;
- Bahagian D ialah soalan untuk mengukur tahap pengetahuan yang dimiliki responden sebelum mengikuti latihan di CIAST;
- Bahagian E ialah soalan untuk mengukur tahap kemahiran teknikal yang dimiliki responden sebelum mengikuti latihan di CIAST;
- Bahagian F ialah soalan untuk mengukur sikap yang dimiliki responden;
- Bahagian G ialah soalan untuk mengukur keyakinan diri yang dimiliki responden dan
- Bahagian H ialah soalan untuk mengukur persepsi keseluruhan responden terhadap kompetensi dan keyakinan diri yang dimiliki.

Analisa data kajian yang diperolehi ini adalah memfokuskan kepada responden yang memilih skor negatif iaitu skala 1 dan 2 sahaja dalam soalan Bahagian D hingga H. Bilangan responden untuk skor negatif adalah seramai 46 orang sahaja.

Hasil kajian menunjukkan tahap ilmu pengetahuan dan juga kemahiran teknikal yang mereka miliki adalah pada tahap yang baik dan tidak menunjukkan ianya ada masalah yang kritikal. Kajian juga menunjukkan hampir keseluruhan pelajar memilih jawapan yang positif untuk sikap yang mereka miliki. Manakala masalah ketara yang boleh dilihat adalah untuk soalan kajian G4, iaitu penguasaan pelajar dalam Bahasa Inggeris. Selain itu, kajian juga mendapati 95% pelajar yakin ilmu dan kemahiran yang telah mereka ikuti mencukupi untuk mereka menempuh alam pekerjaan.

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan tiada unsur negatif mengenai sikap pelajar dan dakwaan FeMAC didapati adalah kes terpencil. Terbukti juga penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar adalah lemah. Oleh itu untuk perkara ini, dakwaan FeMAC adalah berdasar. Walaubagaimanapun, bagi menentusahkan jadual kajian bagi melihat trend setiap ambilan pelajar perlu diteruskan untuk beberapa kumpulan pelajar lagi.






Carta 13 : Maklum Balas Responden Terhadap Kajian

KAJI SELIDIK KEPUASAN PELANGGAN TERHADAP DIREKTORI PAKAR INDUSTRI NEGARA (DPIN) 2013

Bahagian DPIN, Program Kelayakan dan Kekompetenan (KK) telah membuat analisis kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan melalui soal selidik bagi tahun 2013. Hasilnya dapat dilihat pada Jadual 51 dan Carta 14 yang menunjukkan persepsi pelanggan terhadap mutu perkhidmatan di bahagian DPIN adalah sangat memuaskan dan juga cemerlang.

Jadual 51 : Analisa Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan Terhadap DPIN 2013

| Bil. | Perkara | Skala Penilaian | | | | | Jumlah Kaji Selidik |
|---------------|--|-----------------|------------------|------------|------------------|-------------|---------------------|
| | | Tidak Memuaskan | Kurang Memuaskan | Memuaskan | Sangat Memuaskan | Cemerlang | |
| 1. | Mudah membuat permohonan secara 'online' | | 8 | 123 | 264 | 185 | 580 |
| 2. | Penyimpanan rekod yang tepat dan sistematis | | 3 | 114 | 296 | 194 | 607 |
| 3. | Yakin berurusan dengan pegawai JPK | | 2 | 67 | 268 | 263 | 600 |
| 4. | Berpuashati dengan permohonan yang diproses | 2 | 1 | 65 | 268 | 268 | 604 |
| 5. | Pengajar perlu memiliki Sijil Kemahiran Malaysia dan Sijil Kelayakan Mengajar/Vokasional | 2 | 2 | 60 | 225 | 303 | 592 |
| 6. | Perkhidmatan yang diberi secara keseluruhan | | 4 | 72 | 285 | 246 | 607 |
| Jumlah | | 4 | 20 | 501 | 1,606 | 1459 | |




Carta 14 : Analisa Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan Terhadap DPIN 2013

KAJI SELIDIK KEPUASAN PELANGGAN TERHADAP PENGURUSAN PERAKUAN PENGITIRAFAN KELAYAKAN SEBAGAI PERSONEL PENTAUULIAHAN (PPKSPP) 2013

Bahagian PPKSPP telah membuat kajian soal selidik kepuasan pelanggan sebagai maklum balas bagi meningkatkan perkhidmatan yang ditawarkan. Hasil analisa didapati persepsi pelanggan terhadap mutu perkhidmatan di bahagian PPKSPP adalah sangat memuaskan.

Jadual 52 : Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan Terhadap Pengurusan PPKSPP 2013

| Bil. | Perkara | Skala Penilaian | | | | | Jumlah Kaji Selidik |
|---------------|--|-----------------|------------------|------------|------------------|--------------|---------------------|
| | | Tidak Memuaskan | Kurang Memuaskan | Memuaskan | Sangat Memuaskan | Cemerlang | |
| 1. | Urusan permohonan PPKSPP yang mudah | 6 | 19 | 150 | 275 | 161 | 611 |
| 2. | Penyimpanan rekod yang tepat dan sistematis | 1 | 9 | 139 | 298 | 162 | 609 |
| 3. | Yakin berurusan dengan pegawai JPK | 2 | 14 | 104 | 312 | 180 | 612 |
| 4. | Berpuashati dengan permohonan yang diproses | 0 | 8 | 117 | 280 | 210 | 615 |
| 5. | Pengajar perlu memiliki Sijil Kemahiran Malaysia dan Sijil Kelayakan Mengajar/Vokasional | 0 | 1 | 110 | 268 | 234 | 613 |
| 6. | Perkhidmatan yang diberi secara keseluruhan | 0 | 5 | 122 | 294 | 191 | 612 |
| Jumlah | | 9 | 56 | 742 | 1,727 | 1,138 | 3,672 |



Carta 15 : Analisis Kepuasan Pelanggan Terhadap Pengurusan PPKSPP 2013

LAWATAN PENANDAARASAN



LAWATAN PENANDAARASAN KE ITE COLLEGE EAST DAN NANYANG POLYTECHNIC, SINGAPURA

Lawatan Penandaarasan ke ITE College East dan Nanyang Polytechnic, Singapura telah diadakan pada 8 dan 9 Mei 2013 di bawah Program Pembangunan Kemahiran (PPK), CIAST. Lawatan ini disertai oleh 40 orang pegawai dari pelbagai agensi di bawah PPK.

Di antara objektif lawatan ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan mengenai pelaksanaan Sistem Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (*Technical Education and Vocational Training - TEVT*) di Singapura seterusnya membuat cadangan penambahbaikan terhadap latihan TEVT dan latihan tenaga pengajar TEVT di CIAST khususnya dan di seluruh agensi lain umumnya.

Secara keseluruhannya, lawatan ini memberi pendedahan serta pengetahuan kepada delegasi dari Malaysia tentang bagaimana Singapura membangunkan sistem TEVT sehingga menjadi pilihan utama para lepasan sekolah. Sebelum ini, sistem pendidikan berteraskan teknikal dan vokasional hanya dipandang sebagai pilihan kedua. Dengan adanya lawatan/program sebegini, ianya dapat menambah maklumat dan serta membuka minda dalam memartabatkan lagi sistem TEVT di Malaysia.



Gambar 53 : Lawatan ke Nanyang Polytechnic, Singapura

LAWATAN PENANDAARASAN WSC 2013 DI LEIPZIG, JERMAN

Unit *SkillsMalaysia* di bawah Program KK, CIAST telah mengadakan Lawatan Penandaarasan di Pertandingan Kemahiran Dunia (*World Skills Competition - WSC*) 2013 di Leipzig, Jerman bermula 1 hingga 9 Julai 2013. Lawatan ini telah dihadiri oleh Tn. Hj. Abu Sallehein Bin Nordin, Ketua Program KK dan En. Abdul Hadi Bin Kasmoni, Ketua Unit *SkillsMalaysia* serta beberapa orang pegawai JPK.

Tujuan lawatan penandaarasan ini adalah untuk menanda aras secara keseluruhan penganjuran WSC yang meliputi tapak pertandingan, tapak aktiviti selain pertandingan, pelaksanaan aktiviti promosi, kehadiran pengunjung dan keseluruhan pengurusan WSC. Jadual 53 merupakan tentatif program lawatan penandaarasan WSC yang telah dijalankan.

Jadual 53 : Tentatif Lawatan Penandaarasan WSC

| | |
|--------------|--|
| 1 Julai 2013 | Bertolak dari KLIA ke Leipzig dengan transit London dan Frankfurt |
| 2 Julai 2013 | Ketibaan di Leipzig dan <i>check-in</i> penginapan di Hotel Atlanta |
| 3 Julai 2013 | Menghadiri WSC hari pertama di Leipziger Messe |
| 4 Julai 2013 | Menghadiri WSC hari kedua Menghadiri lawatan ke kilang pemasangan kereta Porsche |
| 5 Julai 2013 | Menghadiri persidangan VET sempena WSC 2013 Menghadiri WSC hari ketiga |
| 6 Julai 2013 | Menghadiri WSC hari keempat Menghadiri Majlis Resepsi Kontinen Malaysia di Hotel Steinberger |
| 7 Julai 2013 | Lawatan dan <i>sight-seeing</i> sekitar bandaraya Leipzig Menghadiri majlis penutup dan penyampaian pingat WSC 2013 |
| 8 Julai 2013 | <i>Check-out</i> dan bertolak dari Leipzig ke KLIA dengan transit Frankfurt |
| 9 Julai 2013 | Ketibaan di KLIA. |

i. Tapak Pertandingan dan Pameran WSC

Penganjuran WSC di Leipzig, Jerman telah menyediakan lima (5) tapak pertandingan untuk 46 bidang manakala satu (1) tapak telah dikhaskan untuk perasmian pembukaan dan juga perasmian penutup (Jadual 54).

Jadual 54 : Tapak Lokasi Pertandingan dan Perasmian

| | |
|---|--|
| 1. Stanley Hall | 2. DMG – Mori Seiki Hall |
| <ul style="list-style-type: none"> - Wall and Floor Tiling - Plumbing and Heating - Bricklaying - Plastering and Drywall - Painting and Decorating - Cabinet Making - Joinery - Carpentry - Refrigeration and Air Conditioning | <ul style="list-style-type: none"> - Manufacturing Team Challenge - CNC Turning - CNC Milling - Welding - Construction Metal Work - Sheet Metal Technology - Hairdressing - Beauty Therapy - Confectioner / Pastry Cook - Cooking - Restaurant Service |
| 3. Festo Hall | 4. Volkswagen Hall |
| <ul style="list-style-type: none"> - Polymechanics / Automation - Mechatronics - Mechanical Engineering Design – CAD - Electronics - Electrical Installations - Industrial Control - Mobile Robotics - Information Network Cabling - IT Software Solutions for Business - Web Design - IT Network Systems Administration | <ul style="list-style-type: none"> - Print Media Technology - Prototype Modelling - Health and Social Care - Autobody Repair - Aircraft Maintenance - Automobile Technology - Car Painting - Jewellery - Floristry - Fashion Technology - Graphic Design Technology - Visual Merchandising / Window Dressing |
| 5. Open Air Skill Area- (Khemah Tertutup) | 6. Samsung Arena (Tapak Perasmian) |
| <ul style="list-style-type: none"> - Landscape Gardening - Architectural Stonemasonry | <ul style="list-style-type: none"> - World of Discovery - Opening/Closing Ceremony |



Rajah 3 : Gambarajah Tapak pertandingan, Leipziger Messe (Leipziq Trade Fair)



Rajah 4 : Pelan Tapak Pertandingan WSC 2013 di Leipziger Messe

ii. Aktiviti - aktiviti Selain Pertandingan di WSC 2013

Sepanjang berlangsungnya WSC di Leipzig, Jerman pelbagai aktiviti telah disediakan kepada delegasi dan pengunjung bagi memenuhi masa yang terluang sepanjang pertandingan. Antara aktiviti disediakan ialah:

- a. *Discover Your Skills* – Ketahui Kemahiran Anda
- b. Ekspo produk syarikat.
- c. *Global Skills Village* (Pameran kemahiran dari negara peserta)
- d. Persidangan VET
- e. *WorldSkills City Festival* – pusat bandar



Gambar 54 : Aktiviti-aktiviti yang Disediakan untuk Pengunjung di WSC

iii. Sambutan Pengunjung WSC 2013

Pengunjung yang hadir memeriahkan WSC tersebut adalah terdiri daripada pelbagai peringkat umur termasuk pelajar sekolah, guru-guru dan belia dengan jumlah keseluruhan menghampiri 200,000 orang. Sambutan luar biasa dari kalangan rakyat Jerman adalah kerana terdapat pelbagai aktiviti menarik yang disediakan seperti *Discover Your Skills* merupakan aktiviti yang paling menarik minat pengunjung selain lokasi yang berdekatan dengan stesen sentral bandaraya. Di samping itu, makanan dan minuman ringan juga disediakan untuk kemudahan dan keselesaan pengunjung sepanjang berada di tapak WSC.



Gambar 55 : Sambutan Pengunjung di Tapak Pertandingan WSC 2013

iv. Aktiviti Promosi WSC 2013

Penandaarasan bagi aktiviti promosi juga dibuat untuk melihat sejauh mana pelaksanaan hebahan terhadap WSC. Berdasarkan pemerhatian semasa berada di-Leipzig, didapati papan iklan WSC terdapat di merata tempat. Tumpuan lokasi pengiklanan ialah di kawasan orang ramai seperti dalam tram, iaitu pengangkutan awam, laluan pejalan kaki dan penunggang basikal, lapangan terbang antarabangsa Leipzig serta di stesen keretapi (Leipzig Central Station) yang juga merupakan stesen keretapi tercantik di Eropah.

v. Pengurusan Keseluruhan WSC 2013

Melalui pemerhatian dan pengalaman yang dilalui semasa lawatan penandaarasan, dapat dilihat penginapan peserta dan delegasi telah diuruskan dengan baik. Perkhidmatan *shuttle bus* yang disediakan juga sentiasa menepati masa untuk memudahkan pergerakan peserta. Khemah tertutup yang selesa telah disediakan kepada peserta dan delegasi untuk menikmati jamuan tengahari selain kaunter khas yang halal juga disediakan oleh pihak WSC untuk mereka yang beragama Islam.

